

PERUTUSAN TAHNIAH SEMPENA HARI REPUBLIK INDIA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik India, Puan Yang Terutama Droupadi Murmu, dan Perdana Menteri Republik India, Tuan Yang Terutama Shri Narendra Modi.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 26 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali

Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik India, Puan Yang Terutama Droupadi

Murmu, dan Perdana Menteri Republik India, Tuan Yang Terutama Shri Narendra Modi dan kerajaan serta rakyat Republik India bersempena dengan Hari Republik India yang Ke-77.

Memartabatkan ibadah sembahyang asas pembentukan sahsiah diri

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah
Haji Awang Sulaiman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 Januari. - Umat Islam mengingatkan untuk tidak sesekali meninggalkan sembahyang fardu walau dalam apa jua keadaan dan di mana kita berada.

Melalui peristiwa agung Israk dan Mikraj, menjadi bukti nyata kasih sayang Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang sanggup melalui perjalanan yang amat berat demi kesejahteraan umatnya.

Israk Mikraj bukan sekadar peristiwa sejarah, tetapi satu peringatan tentang pentingnya sembahyang sebagai tiang agama serta betapa besarnya pengorbanan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam untuk umat akhir zaman.

>> Muka 6

Menteri Hal Ehwal Ugama terima kunjungan hormat

■ Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BERAKAS, Sabtu, 24 Januari. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman petang tadi menerima kunjungan hormat daripada Majlis Belia Brunei (MBB).

Kunjungan hormat diadakan di Bilik Dhiyafah, Bangunan Tambahan, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU),

Jalan Dewan Majlis.

Kunjungan hormat tersebut diketuai oleh Yang Dipertua MBB bagi Sesi 2026-2028, Dayang Nurul Izyan Anver, bersama barisan Ahli Jawatankuasa Tertinggi Pusat (AJKTTP) dan Ahli Jawatankuasa Tadbir Pusat (AJKTP) MBB yang baru dilantik.

>> Muka 4

NBD-UK perkukuh kerjasama dua hala dalam ekonomi hijau

■ Siaran Akhbar : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 25 Januari. - Satu misi peringkat tinggi dan Lawatan Kerja ke United Kingdom (UK) di bawah Dialog Strategik Brunei Darussalam-UK : Rangka Kerja Ekonomi Hijau Brunei (Brunei Green Economy Framework, BGEF) telah dilaksanakan dari 19 hingga 23 Januari 2026.

Misi tersebut diketuai oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Manakala satu delegasi Lawatan Kerja berasingan ke Aberdeen diketuai oleh Timbalan Menteri (Tenaga) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah.

Sepanjang program di London, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II turut disertai oleh Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Ken O'Flaherty.

>> Muka 5



Berita Utama



UNISSA sertai Persidangan
Antarabangsa Islam, perkukuh
kerjasama akademik

Muka 5



MINI Muzium MPK Jerudong 'B'
pamer khazanah warisan budaya

Muka 7



PERKUKUHAN kerjasama
strategik, tingkatkan kualiti
perkhidmatan

Muka 8



HIDUPKAN penggunaan dasar

Muka 22

PERUTUSAN TAHNIAH SEMPENA HARI AUSTRALIA



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 26 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Governor-General, Komanwel Australia, Puan Yang Terutama The Honourable Samantha Joy Mostyn AC, dan Perdana Menteri, Komanwel Australia, The Honourable Anthony Albanese MP dan kerajaan serta rakyat Australia bersempena dengan Hari Australia.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Governor-General, Komanwel Australia, Puan Yang Terutama The Honourable Samantha Joy Mostyn AC, dan Perdana Menteri, Komanwel Australia, The Honourable Anthony Albanese MP.

Cuaca diramal aktif sehingga 29 Januari

Siaran Akhbar : Jabatan Kajuca Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 Januari. - Negara Brunei Darussalam (NBD) pada masa ini berada dalam fasa pertama Monsun Timur Laut, yang turut dikenali sebagai Musim Tengkujuh.

Dalam tempoh ini, negara lazimnya mengalami keadaan cuaca yang tidak menentu, dengan kejadian hujan atau hujan berpetir sekali-sekala lebat. Keadaan cuaca aktif diramalkan berlaku bermula Ahad, 25 Januari

2026, sehingga Khamis, 29 Januari 2026.

Hujan sekali-sekala lebat dan berpetir dijangka akan menjejaskan beberapa kawasan negara, dengan kelajuan angin meningkat sehingga 50 kilometer sejam semasa atau dekat hujan lebat dan berpetir.

Di perairan Brunei, keadaan laut pada amnya berombak di paras sederhana ke bergelora, iaitu di antara 1.0 hingga 3.0 meter.

Orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengambil langkah - langkah awal akan kejadian cuaca aktif yang

diramalkan berlaku.

Terdapat risiko tinggi berlakunya banjir kilat terutamanya di kawasan-kawasan rendah dan mudah banjir serta di kawasan berdekatan tebing sungai semasa hujan lebat yang berterusan dan semasa kejadian air pasang.

>> Muka 4

WAKTU SEMBAHYANG										
JANUARI MASHI	HARI	SYAABAN HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
26	ISNIN	7	5.05	5.15	6.36	6.59	12.34	3.55	6.30	7.42
27	SELASA	8	5.05	5.15	6.36	6.59	12.34	3.55	6.30	7.42
28	RABU	9	5.05	5.15	6.36	6.59	12.34	3.56	6.30	7.43
29	KHAMIS	10	5.05	5.15	6.36	7.00	12.34	3.56	6.30	7.43
30	JUMAAT	11	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.31	7.43
31	SABTU	12	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.31	7.43
1	AHAD	13	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.31	7.43
Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit										
RAMALAN CUACA 3 HARI										
ISNIN			SELASA			RABU				
Bandar Seri Begawan										
31	24	°C	31	25	°C	30	24	°C		
Pekan Bangar										
30	24	°C	30	24	°C	29	24	°C		
Pekan Tutong										
31	24	°C	31	24	°C	30	24	°C		
Kuala Belait										
30	24	°C	30	24	°C	30	24	°C		
Wallaahuallam Bissawab										
Sumber : Perkhidmatan Kajuca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi										

SIDANG PENGARANG 26 JANUARI 2026

Jenayah Siber - Waspada, fikir sebelum bertindak

APABILA memperkatakan mengenai jenayah siber, memang tidak dinafikan perkara ini terus menjadi sorotan dan perbincangan orang ramai mengenainya. Jenayah ini meskipun sudah dibincangkan dalam mana-mana media sosial serta kesannya tetapi masih ada juga yang terjebak dalam penipuan moden ini. Ini adalah kerana kurangnya kesedaran tentang keselamatan siber dalam kalangan pengguna yang merupakan salah satu punca utama jenayah siber.

Ramai individu tidak memahami risiko yang berkaitan dengan penggunaan teknologi digital dan langkah-langkah yang perlu diambil untuk melindungi data mereka. Jenayah siber boleh menyebabkan kehilangan kewangan, pencurian data peribadi dan kerosakan reputasi kepada individu serta organisasi. Ancaman ini boleh menjejaskan perniagaan dan menyebabkan kerugian ekonomi yang besar, terutamanya jika data yang kritikal atau maklumat peribadi pelanggan dicuri.

Kejadian jenayah siber seperti penipuan kewangan dan pencurian identiti semakin meningkat menimbulkan kebimbangan dalam kalangan masyarakat dan pihak berkuasa. Jenayah siber sering melibatkan rangkaian penjenayah yang beroperasi di pelbagai negara. Oleh itu, kerjasama antarabangsa antara agensi penguatkuasaan undang-undang adalah penting untuk menangani jenayah ini dengan lebih berkesan.

Negara Brunei Darussalam telah bekerjasama dengan Interpol dan agensi keselamatan siber antarabangsa lain untuk memerangi jenayah ini. Baru-baru ini, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah mengadakan satu sesi perjumpaan bersama delegasi INTERPOL Cybercrime Directorate, bertempat di Mess Pegawai, Ibu Pejabat Polis Gadong, sebagai usaha memperkukuh kerjasama strategik dalam menangani ancaman jenayah siber rentas sempadan. Perjumpaan berkenaan bertujuan untuk memperkukuh hubungan kerjasama sedia ada di antara PPDB dan INTERPOL, khususnya dalam mempertingkatkan keupayaan bersama bagi memerangi jenayah siber yang semakin kompleks dan bersifat global.

Terdapat langkah pencegahan bagi menangani jenayah siber ini. Antaranya ialah pendidikan dan kesedaran. Salah satu cara utama untuk mencegah jenayah siber adalah melalui pendidikan dan peningkatan kesedaran. Masyarakat perlu dididik mengenai bahaya jenayah siber dan cara untuk melindungi diri. Penting bagi setiap individu untuk mengambil langkah-langkah proaktif dalam melindungi maklumat peribadi mereka dan sentiasa berwaspada terhadap ancaman siber yang sentiasa berkembang. Kita selaku rakyat negara ini juga harus waspada dan berhati-hati agar tidak terjebak dalam penipuan ini. Tugas dan tanggungjawab kita perlu untuk mengawasi dan mengambil berat warga emas terutama ibu bapa dan keluarga terdekat agar tidak tertipu.

Kesimpulannya jenayah siber dalam talian merupakan cabaran besar yang memerlukan perhatian serius daripada semua pihak. Dengan peningkatan kesedaran, penggunaan teknologi keselamatan, kerjasama antarabangsa dan penguatkuasaan undang-undang yang tegas, negara kita boleh mengurangkan risiko jenayah siber dan melindungi masyarakat daripada ancaman digital ini. Dengan usaha bersama, kita dapat mengurangkan risiko jenayah siber dan memastikan keselamatan digital yang lebih baik untuk semua. - **Ketua Penyunting (Ri)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتري دان دجيتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نگارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

DPM FC MARA KE SUKU AKHIR PIALA MALAYSIA



Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Haji Jaya
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BERAKAS, Sabtu, 24 Januari. - Pasukan DPM FC mara ke pusingan suku akhir Piala Malaysia selepas terikat 1 - 1 menentang Kelantan Red Warrior FC (KRW FC) dalam perlawanan timbal balik yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah. Keputusan tersebut menyaksikan DPM FC menang melalui agregat 3 - 1.

Berangkat menyaksikan perlawanan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Turut berangkat, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Berangkat sama, anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah

Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan kerabat diraja dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad.

Pada babak pertama perlawanan, KRW FC membuka tirai jaringan melalui sepakan sudut seawal minit ke-8 apabila pemain pertahanan mereka berjaya menanduk bola ke gawang DPM FC. Tiga minit kemudian, DPM FC menyamakan kedudukan apabila Hakeme Said menjaringkan gol hasil sepakan sudut terus ke gawang lawan. Kedudukan 1 - 1 kekal sehingga tamat perlawanan.

Pengurus DPM FC, Jamie McAllister, dalam Sidang Media selepas perlawanan berkata, pasukannya mendominasi permainan pada separuh masa pertama dengan corak hantaran yang kemas dan tersusun.

Menurutnya, pada separuh masa kedua, KRW FC pula lebih menguasai tempo permainan dan mencipta beberapa percubaan berbahaya.

Beliau menambah, pasukannya akan membuat persiapan rapi untuk menghadapi pasukan Kuching FC pada pusingan suku akhir nanti.

Sementara itu, Pengurus KRW FC, Irfan Bakti, menyatakan

rasa kecewa dengan keputusan perlawanan, namun berpuas hati dengan semangat juang yang dipamerkan oleh pemain-pemainnya sepanjang perlawanan.

DPM FC seterusnya akan meneruskan kempen dalam Liga Super Malaysia dengan

BERANGKAT menyaksikan perlawanan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman. Turut berangkat, adinda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik serta anakanda-anakanda DYTMM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota (kiri sekali, kiri dan bawah).

menentang Melaka FC pada 31 Januari 2026, jam 8.15 malam.



ANTARA aksi perlawanan di antara DPM FC menentang Kelantan Red Warrior FC (KRW FC) dalam perlawanan timbal balik yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah (atas kanan, atas sekali kanan dan atas sekali kiri). Manakala gambar atas kiri, sebahagian penyokong yang hadir memeriahkan lagi suasana perlawanan tersebut.

MENTERI HAL EHWAL UGAMA TERIMA KUNJUNGAN HORMAT



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa menerima kunjungan hormat daripada Majlis Belia Brunei (kiri dan bawah kanan).

Negara Brunei Darussalam (NBD) setara dengan peranan MBB sebagai rakan strategik kepada KHEU dalam pelaksanaan program dan inisiatif di bawah fokus strategik 'Potensi Belia' MABIMS yang mana NBD bertindak sebagai negara penyelaras, dengan pelaksanaan diuruskan oleh KHEU melalui Sekretariat MABIMS NBD.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama mengalu-alukan kunjungan hormat berkenaan serta menyatakan sokongan terhadap peranan MBB sebagai badan penyelaras utama gerakan belia di NBD yang bekerjasama rapat dengan kementerian dan agensi kerajaan serta rakan strategik serantau dalam memajukan kepimpinan, penyertaan dan pembangunan belia sejajar

dengan fokus strategik 'Potensi Belia' di bawah MABIMS demi pembangunan belia NBD yang holistik, berdaya saing serta berteraskan nilai-nilai Islam dan kenegaraan.

Hadir sama di majlis kunjungan hormat tersebut ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran

Haji Hassan; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Awang Misle bin Haji Abd. Karim; dan Ketua Bahagian Perhubungan Awam, Antarabangsa dan MABIMS, Awang Haji Mohammad Albi bin Haji Ibrahim.



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

>> Muka 1

Kunjungan hormat petang tadi adalah susulan pelantikan rasmi barisan kepimpinan MBB bagi Sesi 2026-2028 yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2026 selaras dengan keputusan

Kongres Agung Perwakilan (KAP) MBB Kali Ke-8.

Kunjungan tersebut membuka ruang kepada pertukaran pandangan sekali gus memperkukuhkan kerjasama mengenai pembangunan dan pemerkasaan belia Islam di

Tugas kepolisan menuntut kekuatan rohani, keteguhan prinsip

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

GADONG, Ahad, 25 Januari. – Badan Ugama Islam (BUI) Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) baru-baru ini menganjurkan Majlis Ceramah sempena Sambutan Israk dan Mikraj Tahun 1447 Hijrah yang berlangsung di Surau Polis Gadong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pesuruhjaya Polis, PPDB,

Dato Seri Pahlawan Sulaiman bin Alidin.

Turut hadir, Timbalan Pesuruhjaya Polis, PPDB, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris; para Pengarah dan Timbalan Pengarah, pegawai-pegawai kanan, para pegawai, kakitangan awam serta

anggota-anggota PPDB.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan ayat-ayat suci Al-Quran, seterusnya ceramah bertajuk 'Bila Uniform dan Iman Seiring : Membina Polis Berdisiplin, Beriman dan Berintegriti' yang telah disampaikan oleh Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Mohammad Nasyith bin Superi.

Ceramah berkenaan menekankan bahawa pemakaian uniform polis bukan sekadar simbol kuasa atau pakaian rasmi, malah merupakan satu amanah besar yang perlu disertai dengan iman yang kukuh serta nilai integriti yang tinggi.

Antara inti sari ceramah ialah penekanan terhadap realiti tugas kepolisan yang menuntut kekuatan rohani, kesabaran dan keteguhan prinsip, dengan menjadikan nilai-nilai Islam seperti amanah,



PESURUHJAYA Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Ceramah sempena Sambutan Israk dan Mikraj Tahun 1447 Hijrah.

kejujuran serta keteladanan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan para sahabat sebagai pedoman dalam melaksanakan tanggungjawab.

Gabungan iman, disiplin dan integriti diyakini mampu membentuk anggota polis yang bukan sahaja cekal di lapangan, malah tenang, berprinsip dan berakhlak mulia dalam setiap tindakan, di samping peringatan agar sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala dalam apa jua keadaan serta memelihara sembahyang lima waktu.

Majlis Ceramah sempena Israk dan Mikraj berkenaan diakhiri dengan bacaan doa khas memohon kesejahteraan dan kesihatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Majlis berkenaan mencerminkan komitmen berterusan PPDB dalam memperkukuh pembangunan rohani dan sahsiah warganya, selaras dengan peranan pasukan polis sebagai pelindung keselamatan, penjaga keadilan serta contoh teladan kepada masyarakat.

Semoga penghayatan terhadap peristiwa agung Israk dan Mikraj berkenaan terus menyemai keinsafan dan memperkukuh semangat perkhidmatan berteraskan iman, disiplin dan integriti.

Cuaca diramal aktif sehingga 29 Januari

>> Muka 2

Kejadian tanah susur, pokok tumbang dan atap terbang juga boleh berlaku semasa hujan lebat dan keadaan berangin kencang. Keadaan laut adalah berbahaya bagi operasi bot-bot kecil, aktiviti rekreasi dan sukan laut.

Orang ramai, para pemandu di jalan raya dan juga para pelaut dinasihatkan supaya sentiasa peka dengan ramalan, nasihat dan amaran cuaca terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD) dan membuat perancangan yang bersesuaian untuk keselamatan semua.

BDMD akan terus memantau keadaan cuaca dari semasa ke semasa, dan akan mengeluarkan nasihat dan amaran cuaca jika perlu.

Maklumat, nasihat dan amaran cuaca terkini boleh diterima dengan lebih mudah melalui aplikasi bimbit kami iaitu Brunei WX.

Selain itu, maklumat cuaca terkini juga boleh diperoleh dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca, melalui Talian Cuaca 114 atau melayari laman sesawang www.met.gov.bn atau melalui laman Facebook @bruneiweather, Instagram @brunei.weather dan saluran Telegram serta WhatsApp kami Brunei Weather.



CERAMAH disampaikan oleh Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Mohammad Nasyith bin Superi.

NBD - UK PERKUKUH KERJASAMA DUA HALA DALAM EKONOMI HIJAU



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II mengetuai misi peringkat tinggi dan Lawatan Kerja ke United Kingdom (UK) yang telah dilaksanakan dari 19 hingga 23 Januari 2026.

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonomi**

>> Muka 1

Misi ini mencerminkan pengukuhan kerjasama yang berterusan antara Negara Brunei Darussalam dan UK dalam bidang ekonomi hijau, dengan tumpuan bersama untuk memperkukuh kerjasama dua hala serta memajukan pendekatan yang mengimbangi pertumbuhan ekonomi, keselamatan tenaga dan perlindungan alam semula jadi.

Ia dibina berdasarkan Laporan Ekonomi Hijau Brunei (Green Economy Report) yang dikeluarkan pada tahun 2024 dan menegaskan komitmen bersama kedua-dua negara untuk menterjemahkan kajian strategik kepada tindakan praktikal yang boleh dilaksanakan.

Misi ini turut menggariskan

langkah-langkah konkrit yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan NBD bagi memajukan peralihan ekonomi hijau.

Antaranya termasuk penubuhan BGEF bagi menyediakan hala tuju strategik dan panduan pelaksanaan, pengukuhan penyelarasan antara Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Jabatan Tenaga dan Pejabat Perubahan Iklim Brunei, serta penerapan pendekatan peralihan tenaga yang pragmatik dan teratur bagi memastikan keselamatan tenaga sambil mengurangkan pelepasan secara berperingkat.

Usaha turut dipergiatkan untuk meningkatkan penggunaan tenaga solar melalui pensolarian sektor awam dan penerokaan

penyelesaian inovatif seperti solar terapung, meningkatkan kecekapan tenaga, membolehkan penggunaan gas secara strategik bagi aktiviti perindustrian bernilai tinggi, serta meletakkan hutan dan paya bakau NBD sebagai aset nasional strategik melalui penglibatan dalam penyelesaian iklim berasaskan alam semula jadi, termasuk REDD+.

Penglibatan di London juga menekankan kepentingan kerjasama serantau dan ASEAN, termasuk kerjasama dengan United Kingdom melalui platform seperti ASEAN Power Grid, bagi memperkukuh usaha penyahkarbonan, daya tahan tenaga dan keterhubungan serantau.

Program ini turut merangkumi penglibatan dengan institusi akademik terkemuka, termasuk

Grantham Research Institute on Climate Change and the Environment di Imperial College London, yang memfokuskan perbincangan mengenai kepimpinan pemikiran dan kerjasama penyelidikan global, termasuk potensi hubungan dengan Pusat ASEAN bagi Perubahan Iklim yang berpusat di Universiti Brunei Darussalam.

Sebagai sebahagian daripada program tersebut, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II juga mengadakan kunjungan kepada Setiausaha Rendah Parlimen di Pejabat Luar, Komanwel dan Pembangunan, Ahli Parlimen Seema Malhotra, di samping penglibatan dengan PricewaterhouseCoopers (PwC) dan Utusan Perdagangan UK, Ahli Parlimen George Freeman.

Penglibatan ini bertujuan untuk terus memperkukuh kerjasama kerja berdasarkan pertukaran dua hala terkini, termasuk lawatan terdahulu menteri ke NBD serta memajukan kerjasama dalam penyelarasan dasar, kesiapsiagaan pelaburan, pembiayaan peralihan dan penglibatan sektor swasta bagi menyokong keutamaan ekonomi hijau dan peralihan tenaga NBD.

Program di Aberdeen yang diketuai oleh Timbalan Menteri (Tenaga) pula menumpukan kepada penglibatan dengan pihak berkepentingan United Kingdom berkaitan peralihan tenaga, penyahkarbonan luar pesisir dan industri serta penyahtauliah aset minyak dan gas secara bertanggungjawab dan mampan.

Program ini menekankan amalan terbaik, rangka kerja kawal selia dan keupayaan industri, dengan memanfaatkan

pengalaman UK sebagai hab tenaga luar pesisir yang matang bagi menyokong objektif peralihan tenaga jangka panjang NBD.

Delegasi NBD terdiri daripada wakil-wakil agensi kerajaan utama termasuk Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Jabatan Tenaga dan Pejabat Perubahan Iklim Brunei serta badan berkanun seperti Petroleum Authority of Brunei Darussalam dan Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (Brunei Economic Development Board). Delegasi ini juga merangkumi pemain industri daripada Brunei Methanol Company, Brunei Fertilizer Industries dan Brunei LNG.

Misi ini diakhiri dengan satu sesi meja bulat yang dianjurkan oleh UK-ASEAN Business Council, yang memudah cara pertukaran pandangan mengenai bidang kerjasama berpotensi dan peluang komersial antara perniagaan NBD dan UK, khususnya bagi menyokong aktiviti ekonomi yang mampan dan bersedia menghadapi masa hadapan.

Misi ini dianjurkan oleh Suruhanjaya Tinggi British di NBD. Hasil daripada misi ini akan digabungkan ke dalam usaha berterusan NBD untuk mengoperasikan elemen-elemen Rangka Kerja Ekonomi Hijau UK-Brunei, memperkukuh keupayaan institusi dan tenaga kerja, serta meningkatkan kesiapsiagaan pasaran dan pelaburan bagi menyokong kepelbagaian ekonomi negara dan keutamaan pembangunan mampan.

Siaran media selanjutnya akan dikeluarkan dari semasa ke semasa bagi memberikan kemas kini mengenai penglibatan dan hasil susulan daripada misi tersebut.

UNISSA sertai Persidangan Antarabangsa Islam, perkukuh kerjasama akademik

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali**



SESI bergambar ramai pada Persidangan Antarabangsa Ke-36 Majlis Tertinggi Hal Ehwal Islam yang telah berlangsung di Kaherah pada 19 dan 20 Januari 2026.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 25 Januari. - Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal baru-baru ini menyertai Persidangan Antarabangsa Ke-36 Majlis Tertinggi Hal Ehwal Islam yang berlangsung di Kaherah pada 19 dan 20 Januari 2026, bagi memenuhi undangan rasmi

daripada Menteri Wakaf Republik Arab Mesir, Tuan Yang Terutama Dr. Osama Al-Azhari.

Persidangan berprestij ini dianjurkan di bawah naungan Presiden Republik Arab Mesir, Tuan Yang Terutama Abdel Fattah Al-Sisi dan menghimpunkan para menteri, mufti, pemimpin agama, ulama serta cendekiawan daripada

lebih 50 buah negara bagi membincangkan pembaharuan wacana keagamaan, penolakan ideologi ekstremisme serta peranan institusi Islam dalam pembangunan insan dan masyarakat sejagat.

Dalam rangka persidangan tersebut, satu pertemuan khas dan perbincangan bulat telah diadakan

antara Presiden Republik Arab Mesir dan semua ketua delegasi negara peserta.

Presiden Abdel Fattah Al-Sisi menegaskan kepentingan merangka strategi bersama untuk menentang ekstremisme, memperkukuh kestabilan sosial melalui institusi keagamaan serta memanfaatkan teknologi digital dan kecerdasan buatan dalam dakwah Islam kontemporari.

Beliau turut menekankan bahawa Islam merupakan agama yang hidup dan sentiasa relevan dengan realiti semasa, di samping menyeru para ulama dan cendekiawan memainkan peranan aktif dalam ruang digital dan media sosial.

Penyertaan UNISSA dalam persidangan dan pertemuan peringkat tinggi ini adalah sejajar dengan rangka kerja persidangan yang menekankan pembangunan insan, etika profesional, pemeraksanaan wacana Islam sederhana serta kerjasama antarabangsa dalam bidang ilmu dan dakwah.

Dalam hubungan ini juga, Rektor UNISSA turut mengadakan kunjungan hormat dan perbincangan dua hala bersama Fadhilat Imam Sheikh al-Azhar Profesor Dr. Ahmad Muhammad At-Thayyib, Sahibus Samahah



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) semasa berucap.

Mufti Agung Mesir, Profesor Dr. Nadzir Ayyad, Presiden Universiti al-Azhar dan Presiden Cairo University bertujuan memperkukuh kerjasama strategik antara UNISSA dan Universiti al-Azhar dan Cairo University dalam bidang akademik, penyelidikan, pertukaran pelajar dan tenaga akademik serta pengembangan ilmu Islam dan sains kemanusiaan di peringkat antarabangsa.

Usaha ini mencerminkan komitmen UNISSA untuk terus memperluas jaringan globalnya, di samping menyokong pembangunan wacana Islam yang progresif, berteraskan nilai dan responsif terhadap cabaran global semasa.

MEMARTABATKAN IBADAH SEMBAHYANG ASAS PEMBENTUKAN SAHSIAH DIRI

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

>> Muka 1

Demikian antara pengisian Ceramah Khas bertajuk 'Sembahyang Teras Modal Insan Cemerlang' yang disampaikan oleh penceramah undangan, Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji

Muskrisman Safari bin Haji Mustafa, pada Majlis Keagamaan sempena Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang dikendalikan oleh Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan. Majlis berlangsung di Dewan Serbaguna Tingkat 6, KHEDN, di

sini.

Dalam ceramah berkenaan, beliau menekankan peri pentingnya peristiwa Israk dan Mikraj sebagai iktibar dalam memartabatkan ibadah sembahyang sebagai asas pembentukan sahsiah diri.

Menurutnya lagi, sembahyang bukan sekadar tuntutan fardu, malah merupakan instrumen utama dalam menyemai disiplin, akhlak mulia, serta nilai amanah dalam menjalankan tanggungjawab seharian.

Awang Haji Muskrisman Safari turut menyeru para hadirin agar istiqamah dalam menjaga kualiti ibadah demi melahirkan modal insan yang seimbang, berintegriti, dan cemerlang di dunia mahupun akhirat.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman.

Majlis terdahulu dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, iaitu Surah Al-Baqarah (ayat 284 hingga 286) oleh Awang Abdul Wafiy bin Haji Ibrahim, johan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Saringan Kebangsaan 1447H / 2025M.

Inti sari ayat kemudiannya dikupas melalui bacaan tafsir oleh Pegawai Ugama Skim Perantisan Perkhidmatan Awam, (SkiPPA) dari



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Bahagian Penguatkuasaan Ugama, Jabatan Hal Ehwal Syariah (JHES), KHEU, Awang Muhammad Nazirul Azizan bin Bahren.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Khas bagi kesihatan dan kesejahteraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Doa Selamat oleh Muhammad Nazirul Azizan.

Turut menyemarakkan majlis berkenaan, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan serta warga kakitangan KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Juga hadir, Ahli-ahli Disaster Preparedness Coordinator (DPC) dari keempat-empat daerah, yang mencerminkan semangat perpaduan dan kerjasama erat dalam kalangan warga kementerian.



BACAAN ayat-ayat suci Al-Quran, iaitu Surah Al-Baqarah (ayat 284 hingga 286) oleh Awang Abdul Wafiy bin Haji Ibrahim, johan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Saringan Kebangsaan 1447H / 2025M.

Meningkatkan kesedaran kepentingan menjaga kebersihan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



TEMBURONG, Sabtu, 24 Januari. - Kementerian Kesihatan melalui Jawatankuasa Induk Isu-isu Kebersihan (JIUK) menganjurkan Kempen Kebersihan Senegara bertempat di Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Rataie, Mukim Bokok, Daerah Temburong.

Kempen berkenaan merupakan sebahagian daripada usaha berterusan Kementerian Kesihatan dalam memperkukuh kebersihan persekitaran sebagai langkah pencegahan penyakit bawaan persekitaran serta pemeliharaan kesihatan dan kesejahteraan masyarakat.

Hadir menyempurnakan kempen berkenaan, Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif, mewakili Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato

Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diteruskan dengan sesi Warming-Up dan Cooling Down.

Kempen berkenaan melibatkan pembahagian kawasan pembersihan mengikut beberapa zon yang telah ditetapkan, dengan Dewan Kemasyarakatan sebagai tempat pusat berkumpul.

Kempen Kebersihan Senegara telah dirasmikan pada 4 November 2023 di Daerah Tutong.

Kempen yang diadakan di Daerah Temburong berkenaan merupakan pusingan kedua pelaksanaan Kempen Kebersihan Peringkat Daerah oleh Kementerian Kesihatan.

Selain meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan persekitaran yang bersih, kempen berkenaan juga menyumbang kepada kesihatan dan keselamatan masyarakat serta mengurangkan risiko isu-isu kesihatan awam serta menggalak perubahan tingkah laku yang berkekal dalam mengamalkan tabiat hidup bersih dalam kalangan masyarakat.

Kempen berkenaan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat kampung mengenai kepentingan menjaga kebersihan alam sekitar. Ia juga menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam usaha membersihkan kawasan kampung dengan penglibatan

PEMANGKU Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan semasa hadir dan seterusnya menyertai kempen berkenaan (kiri). Manakala gambar bawah, antara yang hadir pada kempen tersebut.

aktif Penghulu dan Ketua Kampung, serta tidak tertumpu kepada sektor kerajaan semata-mata.

Antara objektif utama kempen berkenaan diadakan adalah untuk meningkatkan kesedaran penduduk kampung mengenai kepentingan menjaga kebersihan dan melibatkan serta menggalakkan masyarakat kampung menyertai aktiviti berkaitan kebersihan.

Selain itu, ia juga untuk mewujudkan persekitaran yang bersih dan sihat demi

kesejahteraan masyarakat serta memperkasa rasa tanggungjawab bersama dalam kalangan masyarakat terhadap pemeliharaan alam sekitar melalui pengurusan pembuangan sampah yang betul.

Kementerian Kesihatan berharap agar kempen seumpama berkenaan akan dapat diteruskan secara berterusan oleh masyarakat setempat, bukan sahaja semasa penganjuran kempen, tetapi sebagai satu amalan harian bagi memastikan persekitaran kampung yang bersih, selamat dan sihat demi kesejahteraan bersama.

Turut hadir, Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Pengiran Dr. Haji Md. Khalifah bin Pengiran Haji Ismail, ketua-ketua jabatan, berserta pegawai-pegawai, kakitangan di Kementerian Kesihatan; Penghulu-penghulu Mukim, Ketua Kampung dan para penduduk di RPN Kampung Rataie, Mukim Bokok, Daerah Temburong.



MINI MUZIUM MPK JERUDONG 'B' PAMER KHAZANAH WARISAN BUDAYA

Berita dan Foto : Nurdyanah Rajami



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Putat hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan Majlis Pembukaan Rasmi Mini Muzium Majlis Perundingan Kampung (MPK) Jerudong 'B' (atas dan atas kanan).

JERUDONG, Sabtu, 24 Januari. – Dengan hasrat untuk menjadikan galeri koleksi peribadi sebagai salah satu pakej destinasi bagi kunjungan golongan pelancong dalam dan juga luar negara yang terdapat di Kampung Jerudong 'B', pagi tadi telah melakar satu detik berharga apabila berlangsungnya Majlis Pembukaan Rasmi Mini Muzium Majlis Perundingan Kampung (MPK) Jerudong 'B' bertempat di salah sebuah kediaman persendirian yang terletak di No.12, Simpang 396-53-12, Kampung Jerudong.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan majlis berkenaan, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat.

Turut hadir bagi mengalu-alukan kehadiran tetamu kehormat majlis, Pemangku Ketua Kampung Jerudong 'B', Awang Kamis bin Panjang, juga selaku Pengerusi MPK Jerudong 'B' serta Ahli-ahli MPK Jerudong 'B'.

Berkesempatan ditemu bual oleh Pelita Brunei, Awang Kamis antaranya mengongsikan serba

sedikit latar belakang dan sejarah mini muzium berkenaan.

Menurutnya, mini muzium berkenaan merupakan milik Dayang Hajah Halimah@Erna binti Haji Ahmad dan keluarga di mana pada asalnya mini muzium itu sudah dibukakan untuk kunjungan orang ramai sejak Jun 2015.

Tambahnya, Dayang Hajah Halimah@Erna telah mengumpul dan menyimpan barangan koleksi antik beliau sejak zaman kanak-kanak sehingga sekarang.

"Antara barangan koleksi antik yang tersimpan di mini muzium berkenaan termasuklah sebuah enjin motor sangkut berjenama 'Seagull' lama yang masih berfungsi, pasu dan tajau, seterika arang, seramik kaban besi, peti televisyen, alat perakam radio dan piring hitam.

"Selain itu, pelbagai jenis alat mempertahankan diri seperti keris, pedang dan samurai, barangan tembaga tempatan dan juga yang berasal dari luar negara, mata wang kertas dan syiling lama, barangan kenangan dan cenderahati, pelbagai jenis jam dinding dan jam tangan serta alat muzik tradisional seperti gong dan gulintangan merupakan antara yang turut dipamerkan dalam mini muzium tersebut," ujarnya.

Awang Kamis menjelaskan, mini muzium berkenaan telah banyak menerima kunjungan lawatan daripada golongan penduduk dalam negara terutama



pegawai dan kakitangan kerajaan yang mengikuti kursus sebelum bersara yang dikendalikan oleh Institut Perkhidmatan Awam (IPA), penuntut-penuntut sekolah dan tidak kurang juga para pelancong dari luar negara.

Hari ini tambahannya, adalah hari yang bersejarah di mana galeri mini muzium berkonsepkan keindahan warisan yang dimiliki oleh Dayang Hajah Halimah@Erna telah bersetuju untuk diserapkan pentadbirannya di bawah MPK Jerudong 'B' sebagai Satu Kampung Satu Produk (1K1P).


Jelasnya lagi, dengan pembukaan rasmi mini muzium kepunyaan Dayang Hajah Halimah@Erna dan keluarga beliau, sememangnya menjadi harapan murni bersama di

bawah MPK Jerudong 'B' agar segala usaha dan langkah dalam mempamerkan khazanah warisan ini sebagai salah satu platform keusahawanan dan menjana pendapatan beliau.

"Ini juga sejajar dengan matlamat tulus MPK Jerudong 'B' untuk terus bergerak dan berkembang ke hadapan menerusi 1K1P dan juga menjadi sebagai salah satu pakej destinasi pelancongan dari semasa ke semasa," ujar Awang Kamis di akhir temu bual.

Majlis turut menyaksikan sesi bergambar ramai dan penyampaian cenderamata kepada tetamu kehormat majlis serta menyaksikan ruang mini muzium berkenaan sebelum menikmati jamuan bersama.

Wanita berperanan besar membentuk keluarga, menitikberatkan penjagaan sembahyang



TAZKIRAH bertajuk 'Sembahyang Bermula Dari Rumah' yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dayang Siti Syuhaidah binti Haji Mohd. Yusoff, bagi menyebarkan Malam Munajat Khas untuk Wanita Ke-32 anjuran KHEU Kali Ke-216.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 25 Januari. - Kaum wanita memainkan peranan yang amat besar dalam membentuk suasana rumah tangga yang menitikberatkan penjagaan sembahyang, di samping sentiasa menyokong dan melengkapi peranan suami sebagai ketua

keluarga. Penekanan juga diberikan kepada kerjasama yang erat antara pihak rumah dan sekolah agar usaha serta bimbingan para guru dapat diteruskan secara berkesinambungan.

Tanggungjawab mendidik

anak-anak agar berakhlak mulia dan berpegang teguh kepada ajaran agama merupakan amanah bersama, yang perlu dilaksanakan melalui teladan yang baik, amalan harian yang konsisten serta doa yang berterusan.

Demikian antara inti pati tazkirah

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

bertajuk 'Sembahyang Bermula Dari Rumah' yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dayang Siti Syuhaidah binti Haji Mohd. Yusoff, bagi menyebarkan Malam Munajat Khas untuk Wanita Ke-32 anjuran KHEU Kali Ke-216.

Turut hadir secara maya ialah para jemaah wanita daripada beberapa buah masjid seluruh negara serta warga kerja wanita KHEU dan individu yang mengikuti program berkenaan dari kediaman masing-masing.

Atur cara Munajat malam tadi diserikan oleh pembaca-pembaca utama dari Kumpulan Wardatul Jannah, Program Keagamaan Belia, KHEU bersiaran dari Mushalla Al-Ameen, PDI yang dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Guru Ugama Tingkat II, Sekolah Ugama Mulaut, Dayangku Mas Nuzulaisah binti Pengiran Haji Tejudin dari Kumpulan Wardatul Jannah, Program Keagamaan Belia, KHEU.

Diikuti dengan bacaan Surah Al-Mulk beramai-ramai dipimpin oleh Nazir Sekolah-sekolah Ugama, Unit Maklumat dan Perangkaan, Bahagian Kenaziran, Jabatan Pengajian Islam, KHEU, Dayang Norliza binti Abdul Jalil.

Seterusnya, Doa Munajat dibacakan oleh Guru Ugama Tingkat II, Sekolah Rendah Katok 'A', Dayang

Mariam binti Haji Marsidi.

Selesai tazkirah, disusuli dengan bacaan Zikir Maghfirah Wa Ar-Rahmah dipimpin oleh Pegawai Pendidikan, Sekolah Menengah Tanjong Maya, Tutong, Dayang Norhadimah@Nur Raudhah 'Adaniy binti Haji Abd. Halim.

Kemudiannya, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam (NBD) dibacakan oleh Guru Ugama Tingkat II, Sekolah Arab Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Dayang Alas Sarirah@Nur Syahirah Az-Zahra binti Awang Sulaiman.

Malam Munajat bertujuan mengajak masyarakat Islam mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala melalui amalan kerohanian, memohon keampunan, membaca dan menghayati ayat-ayat suci Al-Quran serta merafakkan dan mengaminkan doa secara beramai-ramai dengan penuh pengharapan agar NBD berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara daripada sebarang musibah dan penyakit berjangkit.

Orang ramai dialu-alukan untuk ikut serta dalam acara Malam Munajat yang diadakan secara maya melalui pautan <http://tiny.cc/munajatkheuwanita>. Semoga segala amalan kerohanian dan doa munajat yang kita pohonkan serta aminkan diterima dan dimakbulkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

MEMACU PERKHIDMATAN BERPUSATKAN RAKYAT, PERKUKUHKAN NILAI INTEGRITI



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Pengiran Haji Raffizanna bin Pengiran Haji Razali selaku tetamu kehormat berucap pada majlis berkenaan.

RIMBA, Sabtu, 24 Januari. - Seorang penjawat awam yang terlatih dengan baik memahami bahawa peranan utama mereka adalah untuk berkhidmat kepada rakyat, bukan untuk menggunakan kuasa dan kedudukan semata-mata.

Perubahan sikap ini amat penting untuk meningkatkan imej keseluruhan dan keberkesanan pentadbiran kerajaan dalam memenuhi aspirasi rakyat dan negara.

Perkara itu ditegaskan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Haji Raffizanna bin Pengiran Haji Razali selaku tetamu kehormat semasa berucap pada Majlis Pelancaran Hari Pelanggan Institut Perkhidmatan Awam (IPA) 2026 bertempat di institut berkenaan, pagi tadi.

Perkhidmatan Awam katanya, perlu sentiasa bertransformasi, tidak boleh terus beroperasi dengan mentaliti lama serta perlu menyesuaikan diri dengan tuntutan masa dan persediaan untuk cabaran masa hadapan.

Menurutnya, ini semuanya bermula dengan latihan dan pembangunan modal insan yang berkualiti.

Salah satu impak yang paling ketara daripada latihan dalam Perkhidmatan Awam ialah peranannya dalam membentuk sikap dan minda penjawat awam.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

Tambahnya, ramai penjawat awam memasuki perkhidmatan dengan tanggapan tertentu tentang peranan mereka yang sering kali dipengaruhi oleh pemikiran lapuk tentang kuasa birokrasi berbanding orientasi perkhidmatan kepada rakyat.

Justeru terangnya, program latihan yang berkesan berupaya untuk mengubah sikap-sikap sedemikian melalui beberapa pendekatan.

Pertama, memupuk orientasi perkhidmatan dengan mengalihkan tumpuan daripada sekadar mengikut peraturan kepada penyampaian perkhidmatan yang berpusatkan rakyat; Kedua, membina empati dengan membantu pegawai memahami cabaran yang dihadapi oleh pelbagai lapisan masyarakat; Ketiga, menggalakkan inovasi dengan beralih daripada pemikiran 'Fixed Mindset' kepada 'Growth Mindset' serta berupaya menyelesaikan masalah secara kreatif; dan Keempat, mempromosikan tingkah laku beretika dengan mengukuhkan nilai-nilai integriti, ketelusan, dan akauntabiliti.

Timbalan Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Jabatan Perdana Menteri juga mengongsikan perkara berkaitan kepentingan latihan dan pembangunan warga kerja ini terbukti sebagaimana merujuk laporan Blavatnik Index of Public Administration.

"Laporan ini yang menilai pentadbiran awam di 120 negara, menyatakan bahawa keupayaan organisasi awam dilihat bukan sahaja melalui dasar dan struktur, tetapi juga melalui aspek *people and processes*, iaitu pengurusan dan pembangunan tenaga kerja.

"Sementara menurut laporan daripada OECD/EU Survey of Public Servants mengenai Workforce Insights from Central Governments yang dikeluarkan pada bulan September 2025, menyatakan bahawa pembelajaran dan pembangunan kompetensi merupakan pemacu penting prestasi organisasi dalam

menyokong transformasi dan keberkesanan Perkhidmatan Awam," terangnya.

Terdahulu, beliau menjelaskan, kita kini hidup dalam era yang penuh dengan cabaran dan perubahan yang sangat pantas, di mana revolusi digital telah mengubah cara kita bekerja, cara kita berkomunikasi dan cara kita memberikan perkhidmatan kepada rakyat.

Malah rakyat hari ini katanya lebih celik maklumat, lebih berpengetahuan dan mempunyai jangkaan yang lebih tinggi terhadap Perkhidmatan Awam.

"Mereka mahukan perkhidmatan yang cekap, telus dan berorientasikan pelanggan. Mereka mahukan pegawai kerajaan yang responsif, mesra, dan profesional. Mereka juga mahukan sistem yang mudah, pantas, dan tidak berbelit-belit," tegasnya.

Pengiran Haji Raffizanna seterusnya menerangkan, Hari Pelanggan IPA bukan sekadar untuk mempertontonkan kemudahan fizikal institut berkenaan, malah lebih daripada itu untuk berkongsi visi, memperkukuh komitmen bersama, dan membawa anda semua untuk menjadi sebahagian daripada transformasi Perkhidmatan Awam negara ini.

Ke arah itu, tambah, IPA telah dan akan terus menyediakan program-program kemahiran dan berasaskan kompetensi yang diperlukan.

Jelasnya lagi, program-program baharu juga diperkenalkan pada Tahun Kewangan 2026/2027 di samping mengemas kini sebahagian besar program-program agar sentiasa terkini dan terus relevan.

"Antara program baharu yang diperkenalkan termasuk Hackathon sebagai langkah strategik dalam memperkukuh keupayaan modal insan sektor awam.

"Program ini bukan sahaja menerapkan kemahiran teknikal, malah membentuk cara berfikir yang lebih analitis, inovatif dan

berpaksikan data untuk menghasilkan *e-solution* bagi penyampaian perkhidmatan yang lebih pantas.

Program ini juga akan melibatkan kolaborasi antara pihak kerajaan, sektor swasta dan orang awam," terangnya.

Sudah setentunya, teknologi semata-mata tidak akan memberikan impak yang bermakna tanpa sokongan warga Perkhidmatan Awam yang berkemahiran digital. Ini termasuk keupayaan menterjemah data kepada penghasilan dasar dan perkhidmatan berimpak tinggi.

Justeru katanya, fokus juga diberikan oleh IPA dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang berkaitan.

Beliau menambah, IPA juga giat melaksanakan penilaian keupayaan Perkhidmatan Awam berpandukan Rangka Kerja Pembangunan Kapabiliti Perkhidmatan Awam (PSCDF).

Jelasnya lagi, rangka kerja ini bukan sahaja akan menjadi asas pembangunan kompetensi Perkhidmatan Awam, malah dapat memastikan pembangunan kepimpinan dalam sektor awam yang lebih terarah, seiring dengan matlamat negara serta mendatangkan impak positif terhadap keberkesanan organisasi secara holistik.

"Natijahnya, apa pun inisiatif yang diusahakan, pastinya setiap pelaburan dalam latihan dan pembangunan warga Perkhidmatan Awam adalah pelaburan untuk masa depan negara.

"Penjawat awam yang terlatih dengan baik katanya lagi, adalah aset negara yang paling berharga, merekalah yang akan merancang dasar, melaksanakan program dan memberikan perkhidmatan yang akan menentukan kualiti kehidupan rakyat dan kejayaan negara," ujarnya.

Justeru, beliau yakin IPA akan terus menjadi rujukan utama dalam pembangunan kompetensi Perkhidmatan Awam dan seterusnya menyumbang kepada tadbir urus yang lebih berkesan dan dipercayai.

Walau bagaimanapun

tambahnya, setentunya setiap perencanaan yang kita buat dalam kerajaan adalah sentiasa terpandu oleh titah saranan dan pandangan jauh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Beliau seterusnya menyatakan, sebagaimana mengimbas kembali titah baginda semasa Majlis Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-32 Tahun 2025, baginda menegaskan bahawa apa pun cabaran, kejayaan, mahupun pengajaran daripada kegagalan, semuanya membentuk satu sandaran yang kukuh, bukan sahaja untuk memenuhi kehendak masa kini di mana rakyat mengharapkan perkhidmatan yang cekap, telus dan mesra rakyat, malah yang lebih penting, ia menjadi asas kepada transformasi yang negara kita perlukan untuk terus relevan dan berdaya saing pada masa hadapan.

"Titah tersebut juga menekankan bahawa setiap kemahiran yang kita asah, setiap sistem yang kita perbaiki, dan setiap inovasi yang kita laksanakan hari ini akan menyumbang secara langsung kepada matlamat besar kita iaitu merealisasikan Wawasan Brunei 2035 yang menjanjikan sebuah negara yang dinamik dengan ekonomi mampan dan taraf hidup yang tinggi untuk semua rakyat.

"Begitulah juga titah baginda mengingatkan betapa pentingnya peranan kita dalam Perkhidmatan Awam dan setiap tugas yang kita laksanakan merupakan sumbangan bermakna kepada bangsa, raja, dan negara," jelasnya sebelum mengakhiri ucapan.

Beliau turut melahirkan penghargaan tahniah dan syabas kepada IPA atas usaha berterusan dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif bagi meningkatkan serta memperkukuh imej Perkhidmatan Awam melalui pembangunan modal insan yang berkualiti, cekap, berkesan, responsif, progresif serta inovatif.

Perkukuhkan kerjasama strategik, tingkatkan kualiti perkhidmatan



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), JPM menyaksikan pameran yang menentengahkan beberapa agensi kerajaan dan GLCs.

RIMBA, Sabtu, 24 Januari. - Institut Perkhidmatan Awam (IPA), Jabatan Perdana Menteri pagi tadi menganjurkan Hari Pelanggan IPA 2026 bertempat di institut berkenaan, dengan tema 'Transformasi Perkhidmatan Awam'.

Acara tersebut dihadiri oleh kira-kira 200 orang peserta terdiri

daripada wakil kementerian dan jabatan, sektor swasta serta Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLCs), berfungsi sebagai platform strategik untuk membarikan program dan perkhidmatan IPA serta memperkukuh rangkaian kerjasama dengan kementerian dan jabatan, sektor swasta serta

GLCs.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan majlis tersebut ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Haji Raffizanna bin Pengiran Haji Razali.

Antara pengisian utama Hari Pelanggan IPA 2026 ialah pelancaran Program Pembelajaran dan Pembangunan IPA bagi tempoh April 2026 hingga Mac 2027, diikuti dengan satu Pembentangan Khas mengenai Transformasi Perkhidmatan Awam yang disampaikan oleh Adjunct Professor, Lee Kuan Yew School of Public Policy, National University of Singapore, Profesor Yaacob bin Ibrahim, yang mengongsikan mengenai strategi progresif dan amalan terbaik dalam meningkatkan keberkesanan dan kualiti penyampaian perkhidmatan awam.

Para jemputan juga berpeluang mengunjungi pameran yang

menentengahkan beberapa agensi kerajaan dan GLCs, diikuti dengan sesi klinikal pada sebelah petang yang menyediakan wadah untuk interaksi secara langsung, sesi perundingan, serta perkongsian ilmu mengenai beberapa tajuk berkepentingan.

Melalui Hari Pelanggan IPA 2026, IPA mengukuhkan lagi komitmennya dalam meningkatkan kerjasama strategik dan juga kualiti penyampaian perkhidmatan serta memacu transformasi Perkhidmatan Awam ke arah kecemerlangan.



PEMBENTANGAN Khas mengenai Transformasi Perkhidmatan Awam yang disampaikan oleh Adjunct Professor, Lee Kuan Yew School of Public Policy, National University of Singapore, Prof. Yaacob bin Ibrahim.

107 DILANTIK SEBAGAI AJK TAKMIR MASJID OMAR 'ALI SAIFUDDIEN BAHARU

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Hal Ehwal Masjid

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 25 Januari. - Lantikan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid yang baharu merupakan satu langkah penting dalam memastikan pengurusan masjid kekal relevan, teratur dan selaras dengan keperluan masyarakat.

Ahli jawatankuasa yang dilantik bukan sahaja memikul tanggungjawab dalam urusan pentadbiran dan kebajikan masjid, malah turut berperanan dalam memperkasa fungsi masjid sebagai pusat perkembangan ilmu, dakwah serta aktiviti sosial yang berlandaskan syiar Islam.

Sehubungan itu, Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Omar 'Ali Saifuddin, baru-baru ini mengadakan Majlis Penyampaian Surat Lantikan Ahli Jawatankuasa Takmir Baharu bagi Sesi 2026 hingga 2028 yang diadakan di masjid berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan menyerahkan surat lantikan ialah Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Seramai 107 orang, terdiri daripada 60 orang Muslimin dan 47 orang Muslimah, telah dilantik



PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri semasa sesi bergambar ramai pada majlis tersebut.

sebagai Ahli Jawatankuasa baharu bagi sesi 2026 hingga 2028.

Sebelum majlis bermula, acara diserikan dengan ceramah motivasi bertajuk 'Bersatu Ke Arah Kecemerlangan Takmir Masjid'

yang disampaikan oleh Penolong Kaunselor Penjara, Jabatan Penjara, Awang Fariszal bin Ali.

Majlis kemudiannya dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan ucapan alu-aluan

oleh Penguasa Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Awang Zulkifli bin Haji Murat.

Majlis seterusnya menyaksikan penyampaian surat lantikan Ahli Jawatankuasa Takmir baharu bagi

Sesi 2026 hingga 2028, diikuti dengan penyampaian cenderahati kepada tetamu kehormat majlis. Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat serta sesi bergambar ramai.

Semai semangat gotong-royong, menjaga kesucian rumah Allah

Siaran Akhbar dan Foto : Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Al-Mashor Kampung Sungai Mau

BELAIT, Ahad, 25 Januari. - Bersempena dengan Kempen Hari Bertindak (Day of Action) 2025, Al-Muflihun Learning baru-baru ini mengadakan Program Khidmat Kemasyarakatan - Masjidku Bersih Siri Ke-2 di Masjid Kampung Labi, Daerah Belait.

Program yang diadakan secara tahunan berkenaan juga diadakan secara berkolaborasi bersama Ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir Masjid Al-Mashor Kampung Sungai Mau dan Kumpulan Muslimah Az-Zahraa melalui AJK Takmir Masjid Kampung Labi.

Hadir menyertai program berkenaan, Pengasas Al-Muflihun Learning Centre, Awangku Abdul Qayum bin Pengiran Bakar; dan

Pemangku Imam Masjid Kampung Labi, Awang Abdul Qadir bin Osman.

Melalui program berkenaan, seramai 40 sukarelawan menyertai kempen kebersihan tersebut yang terdiri daripada golongan belia, masyarakat kampung setempat dan juga ahli-ahli jawatankuasa daripada dua buah masjid berkenaan.

Kerja-kerja bergotong-royong dan kempen kebersihan berkenaan merangkumi kawasan dalam dan luar bilik sembahyang, dewan makan, tempat berwudhu dan tandas bagi kegunaan jemaah masjid berkenaan.

Selepas kempen kebersihan selesai dilaksanakan, program diteruskan dengan ucapan

penghargaan kepada para sukarelawan yang disampaikan oleh Awangku Abdul Qayum yang juga selaku penganjur program tersebut. Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Awang Abdul Qadir.

Antara objektif program berkenaan diadakan adalah bagi menyemai semangat bergotong - royong, menjaga kesucian dan keindahan rumah Allah, serta menyediakan persekitaran yang bersih dan selesa untuk jemaah beribadat dan melaksanakan aktiviti-aktiviti keagamaan.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk mengeratkan lagi silaturahim, memupuk kesedaran menjaga kebersihan, dan membentuk sikap bertanggungjawab dalam kalangan masyarakat dan belia.



ANTARA sukarelawan yang menyertai kempen berkenaan.

**TUMPUKAN PERHATIAN PADA JALAN RAYA,
JAUHI TELEFON BIMBIT.**

**WATCH THE ROAD,
KEEP YOUR MOBILE PHONE AWAY.**

Road Safety Depends
on #YouAndMe

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Ancaman Berita Palsu terhadap Generasi Digital'. Tarikh Tutup : 28 Januari 2026
2. 'Kesan Pelaburan Asing Terhadap Ekonomi Tempatan'. Tarikh Tutup : 4 Februari 2026
3. 'Vape: Ancaman Senyap Terhadap Kesihatan Generasi Muda'. Tarikh Tutup : 11 Februari 2026

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaja jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

**Menangi
BND75**
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

MEMOHON PERLINDUNGAN, KESEJAHTERAAN BERPANJANGAN KEBAWAH DYMM



PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri hadir menyertai Doa Kesyukuran.

Berita dan Foto : Ihsan Masjid Kampung Sungai Besar

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 Januari. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kampung Sungai Besar dan Ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir Masjid Kampung Sungai Besar kelmarin mengadakan Doa Kesyukuran sempena sempurnanya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal

Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menjalani prosedur perubatan di Jerudong Park Medical Centre (JPMC).

Hadir menyertai majlis tersebut ialah Pemangku Pengarah Hal

Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Juga hadir ialah Ketua Kampung Sungai Besar, Kampung Serdang dan Kampung Sungai Belukut, Leftenan Kolonel (B) Haji Awang Zaini bin Haji Awang Damit selaku Penasihat I dan Penasihat II AJK Takmir Masjid Kampung Sungai Besar, Awang Haji Mohiddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman.



Majlis didahului dengan bacaan Surah Al-Kafhi yang dipimpin oleh Awang Abdul Rahim bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Tamin.

Sementara itu, Doa Kesyukuran dibacakan oleh Ketua Imam Masjid Kampung Sungai Besar, Awang Muhd. Hazman Haji Mohd. Hairol Azme.

Majlis kesyukuran merupakan inisiatif bagi menzahirkan rasa

kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas kesihatan dan kesejahteraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di samping memohon keberkatan, perlindungan serta kesejahteraan berpanjangan baginda.

ITQSHHB terima 57 pelajar baharu



PEMANGKU Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman semsa sesi bergambar ramai pada Majlis Penerimaan Pelajar-pelajar Baharu Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah Sesi Pengajian Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 Januari. - Majlis Penerimaan Pelajar-pelajar Baharu Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) Sesi Pengajian Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi diadakan pagi tadi bertempat di Dewan Kuliah, ITQSHHB, di sini.

Pada tahun ini, seramai 57 orang pelajar baharu iaitu 28 orang pelajar lelaki dan 29 orang pelajar perempuan telah diterima masuk ke institut berkenaan.

Pengambilan tersebut adalah bagi mengikuti pengajian di peringkat menengah.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Pengarah Pusat

Da'wah Islamiah, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman.

Turut hadir, Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), ibu bapa pelajar-pelajar baharu yang diraikan, para pegawai dan guru serta kakitangan ITQSHHB.

Majlis Penerimaan Pelajar-pelajar Baharu pada pagi tadi dimulakan dengan persembahan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran iaitu Surah Al-Baqarah dari ayat 1 hingga ayat 7 yang dibacakan secara *bilhifzi* dengan Tarannum Bayati Kurdi oleh Awang Abdul Halim Mahmood bin Haji Mostapha yang merupakan pelajar

baharu Tahun 7 yang bakal mengikuti Sesi Pengajian Tahun 1447H / 2026M di ITQSHHB manakala inti sarinya dibacakan oleh Awang Muhd. Danial At-Tirmidzi bin Haji Zulkifli.

Majlis kemudian diteruskan dengan ucapan alu-aluan oleh Pengetua ITQSHHB, Pengiran Dr. Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit diikuti dengan ucapan tetamu kehormat.

Ini disusuli dengan tayangan video aktiviti Minggu Ta'aruf pelajar-pelajar baharu diikuti dengan penyerahan Mushaf Al-Quran kepada pelajar-pelajar baharu oleh tetamu kehormat.

Majlis diteruskan dengan bacaan ikrar beramai-ramai oleh pelajar-pelajar baharu ITQSHHB



yang diketuai oleh Awang Muhammad Naqib Zahran Iman bin Abdullah.

Sejurus itu diteruskan dengan penyerahan pelajar baharu daripada pihak ibu bapa pelajar yang diwakili oleh Awang Najhe bin Haji Suhaile kepada pihak ITQSHHB yang diwakili oleh Tenaga Pengajar Institut, Pengiran Haji Khairul Ikhwani bin Pengiran Haji Alit.

Kemudiannya bacaan Zikir Sayyidul Istighfar dan Selawat Tafrijiyyah yang diketuai oleh pelajar Majlis Perwakilan Pelajar ITQSHHB dan kemudian diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Tenaga Pengajar Institut berkenaan, Awang Muhammad

Adlan Aziz bin Haji Yussop.

Terdahulu, Program Minggu Ta'aruf (Orientasi) bagi pelajar-pelajar baharu diadakan selama empat hari bermula pada 12 hingga 15 Januari 2026.

Antara aktiviti yang diaturkan sepanjang sesi orientasi tersebut seperti Bengkel Pengenalan Hafazan Al-Quran, Taklimat mengenai Bahagian Asrama dan Bahagian Perpustakaan, Taklimat Pengenalan Bahagian Kaunseling dan Kerjaya, Kem Motivasi dan Kepimpinan, Kelas Al-Quran, Solat Sunat Duha Berjemaah, Malam Cinta Rasul, Hafazan Challenge, Transformasi Huffaz, Taklimat Fire Drill dan Etika Pakaian, Aktiviti Sukan serta Kuliah Subuh.

سردار سري

منكقنك امر معروف نهى موغكر

جماعه يغ درحمتي الله،

بر تقوى له كيت كحضرة الله ﷺ دغن منيغكنك كلمانن كقدن. سسوغكوهن اورغ يغ قالينغ مليا دسيسى الله ﷻ ايت اياه اورغ يغ قالينغ بر تقوى، موده-مودهن كيت متجادي انسان يغ سنتياس مغايغي الله ﷻ بر اوله كجيان دان كسلامن ددنيا دان جوك داخيرة.

الله ﷻ بر فرمان دالم سورة آل عمران آية ١١٠:

كامو (واهاي اومة نبي محمد) اداله سبايك-بايك اومت يغ دلاهيركن اونتوق مانسي (كران) كامو مهوره بربوات يغ معروف دان ملازغ درقد يغ موغكر دان برلمان كقد الله. دان كالوا اهل كتاب (يهودي دان نصراني) برلمان، تتوله يغ دمكين ايت بايك باكي مريك. (تثاني) سبايكن درقد مريك اد يغ برلمان دان كبايقن مريك اياه اورغ فاسق.

جماعه يغ درحمتي الله،

اكلام اسلام مغايجوركن اومتن اونتوق سنتياس منجاك كمصلحن دان كسجهزان هيدوف سسام انسان اكر دافت مباحون اخوة يغ تكوه، برساتو فادو دان بكرجاسام. باكي منجاغي توجوان ترسبوت، اسلام مغايجوركن اومتن اونتوق منكقنك امر معروف نهى موغكر يايث مغايجر كقد كبايكن دان منجكه كموغكرن. اين دقواتكن لاكي دغن سبدا رسول الله ﷺ يغ دروايتكن اوليه امام ترمذي، درقد حذيفة بن اليمان روى رسول الله ﷺ بر سبدا: وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ، لَتَأْمُرُنَّ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوُنَّ عَنِ الْمُنْكَرِ، أَوْ لَيُؤَيِّدَنَّ اللَّهُ أَنْ يَبْعَثَ عَلَيْكُمْ عِقَابًا مِنْهُ، فَتَذَعُوهُ فَلَا يَسْتَجِيبُ لَكُمْ. مقصودن: دمي الله يغ جواكو براد دتاغنن، سوروهله بربوات معروف دان جكهله فربوات موغكر، اتاو (كالوا تيدق) سيقسا الله بوليه جادي اكن منيمشا كاتسمو، كمودين كامو موهون (سوقاي سيقسا ايت دهيتكن)، تثاني فرموهون كامو ايت تيدق دقبولكن (اوليه الله).

دالم القرآن دان حديث-حديث رسول الله ﷺ تله مغايجركن اومة اسلام اكر بيحقسان دان عادل دالم منكقنك فركارا كبايغن دان منكه كجاهتن تنفا مغيرا فثكت دان درجت سساورغ ايت دمي ملبهارا دان منكقنك حكوم الله ﷻ بر توجوان اونتوق معموركن دان منيغكنك كسجهزان هيدوف مانسي سلوروهن.

جماعه يغ درحمتي الله،

رسول الله ﷺ تله ميري فندوان يغ جلس تنغ جارا منكقنك دان ملقساناكن تغكوغجواب منجكه كموغكرن. درقد ابو سعيد الخدري روى رسول الله ﷺ بر سبدا: مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ، وَذَلِكَ أَضْعَفُ الْإِيمَانِ. مقصودن: بارغ سياث انتارا كامو يغ مليهت كموغكرن، مك اوبهله دغن تاغنن، جك تيدق ممفو مك اوبهله دغن ليسنن، دان جك تيدق ممفو مك اوبهله دغن هاتين، دان يغ دمكين اداله سلمه-لمه ليمان. {حديث رواية امام مسلم}

حديث ترسبوت منجسكن بهاوا تردافت تيك جارا اونتوق منجكه

كموغكرن دالم سسبواه مشاركت منوروت كاوافيان ماسيغ-ماسيغ، انتاران: قرتام: مغوبه ملالوي تاغن يايث مغوبه دغن كواس يغ اد قد سساورغ مغيكوت كممفوان دان بيدغ كواس ماسيغ-ماسيغ.

كدوا: مغوبه ملالوي ليدو يايث مغوبه دغن فرجاشن اتاو ليسن، دغن ميريكن نصيحت، تكورن دان بيمبيغن يغ بايك.

كتيك: مغوبه ملالوي هاتي يايث دغن جارا ممبجي دان تيدق مريضاي كموغكرن ترسبوت ددالم هاتي دان اينله مروفاكن سلمه-لمه ليمان.

جماعه يغ درحمتي الله،

اكلام اسلام ساغت منككن كفتينغن كامانن، كسجهزان دان كهرومين دالم كهيدوفن بركلوارك، برمشاركت دان برنكارا. اوليه ايت، باكي ممبترس دان منجكه برلاكوت جنايه دان فربواتن موغكر دنكارا اين، انتارا اجينسي كسلامن كراجان يغ دلمانن ايت اياه فاسوقن فوليس دراج بروني، يغ قد ١ جانواري تاهون اين تله مهمبوت دان مراعيكن سمبوتن هاري فوليس كسراتوس ليم تاهون.

سسوغكوهن توكس منجاك كامانن نكارا اين بوكنله موده. افته لاكي انجنن جنايه سمايكن هاري سمايكن منجاير. سسوي دغن ايرا سبير دان فركمبغن تيكنولوجي يغ سمايكن قست، فاسوقن فوليس دراج بروني سنتياس برأوسها اونتوق منيغكنك فغتهوان دان كماهون ددالم منيغكنك فريستاسي، كواليي دان كجاشن دالم مناغي تريند جنايه يغ سمايكن منجاير دان كومشليكس تراوتامن جنايه سبير يغ سمايكن برلرلوا.

جماعه يغ درحمتي الله،

سسوغكوهن كرجاي سبايكي سساورغ اغوكتا فوليس، اداله ساتو خدمت دان عملن يغ موليا دسيسى اكلام دان سلاكو اغوكتا فوليس جوك، هندقله سنتياس منانكن صفة امانه. اكلام كيت موايكن اومتن اونتوق منجاك امانه دان مغحرامكن ملاكوكن خيانت سرتا برلاكو جورغ دغن منجاويكن امانه. رسول الله ﷺ دالم حديث بكيندا منجسكن بهاوا اورغ يغ منجاويكن امانه اداله اورغ يغ تيدق سمقورنا ليمان. درقد انس بن مالك روى بركات: رسول الله ﷺ تيدق قرنه برخطبه دهادفن كامى كجوالي بكيندا مغاناكن: لَا إِيمَانَ لِمَنْ لَا أَمَانَةَ لَهُ، وَلَا دِينَ لِمَنْ لَا عَهْدَ لَهُ.

مقصودن: تيدق سمقورنا كلمانن باكي اورغ يغ تيدق امانه، دان تيدق سمقورنا اكلام سساورغ باكي يغ تيدق ممنوي جنجي. {حديث رواية امام احمد}

فريخال امانه اين اد دتيهكن اوليه كباوه دولي يغ مها مليا فادك سري بكندا سلطان دان يغ دفترون نكارا بروني دارالسلام سمفنا كبرغكن بكيندا كايو فجابت فوليس دراج بروني قد ٣١ مج ٢٠١٥، انتارا فتيكن تيته بكيندا:

"كران ايت، فپاندغ-فپاندغ جاورتن اين مستحقله مغلكن فريستاسي مريك، دان دالم ماس يغ سام، مسني فولا ممعملكن سيكف تكس دان امانه.

فوليس تيدق بوليه لمه. سيكف دان فنديرين مريك مسني قوات، تيدق بوليه دراو اتاو دفوجوق-فوجوق اونتوق مندافتكن سيمفاتي. ليه-ليه لاكي، فنجاول فوليس، سام سكالتي تيدق بوليه جورغ ترهادف توكسن.

بيلاكه سساورغ فوليس ايت بوليه داغكف جورغ؟ ماجم-ماجم سبب سساورغ فوليس بوليه داغكف جورغ، سقري تيدق برسوغكوه-سوغكوه منجاننك توكس، دالم معنى مغابايكن توكس، اتاو افيل سساورغ فوليس ملاكوكن فركارا-فركارا يغ مياهي اوندغ-اوندغ، قد حال فوليس اداله فغواتكواس ا اوندغ-اوندغ ايت." دمكين بكيندا برتته.

جماعه يغ درحمتي الله،

سلاين دري برصفة امانه، اغوكتا فاسوقن فوليس دراج بروني جوك هندقله برانتيكرين. اف يغ دمقصودكن دغن برانتيكرين ايت اياه برتندق جوجور، تلوس دان برسبه درقد رشواه اتاو فپاهكونان كواس. اين كران سساورغ اغوكتا فوليس يغ برانتيكرين اكن دافت منجاننك توكس تنفا فيليه كاسيه، تيدق ممبيل رشواه اتاو منرما كنجارن يغ تيدق سقاتوتن، تيدق مياهكونان كواس اونتوق كفتينغن فرييادي، دان مغاوتامانن كينرن والافون سوكر.

اوليه يغ دمكين، اغوكتا فاسوقن فوليس دراج بروني هندقله سنتياس مناني امانه سجارا فريسيونال، برانتيكرين، برديسپلين تيكي، برصفة عادل دان تيدق فيليه كاسيه، جاديله فكاواي دان اغوكتا فاسوقن يغ فرواكيثف دالم سام-سام منجايدكن فاسوقن فوليس دراج بروني سبواه اوركانيساسي يغ جرجلغ دفرجاياي دان دسكاني اوليه مشاركت.

جماعه يغ درحمتي الله،

سام-سامله كيت بردعاء كحضرة الله ﷻ سموك وركا فاسوقن فوليس دراج بروني خصوصن دان كيت سموا اكن سنتياس ديريكن كقواتن ليمان، اخلاق دان بودي فكري يغ ايلوق، كقواتن فيزيكل، كجاهتن مينتل دان كصيون يغ تيدق تربانس دالم منجاننك توكس دان تغكوغجواب يغ تله دلماننك. موده-مودهن الله ﷻ اكن مغلكن كهرومين دان كسجهزان ديومي دارالسلام يغ برتواه اين اكر كيت دافت منعمي كهيدوفن يغ امان داماي، معمور دان سجهزا. آمين يا رب العالمين.

واهي اورغ-اورغ يغ برلمان! جاشنله كامو مغحياي الله دان رسولن دان جاشنله كامو مغحياي امانه-امانه (يغ دلماننك كقد) كامو سدغ كامو مغتهوي. {سورة الانفال آية: ٢٧}

بَارَكَ اللَّهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا بِلَاؤَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَاسْتَغْفِرُكَ اللَّهُ الْعَظِيمُ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فُؤُزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَبِإِنجَاةِ النَّائِبِينَ.

دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحُنَا وَبِاللَّهِ أَخْتَتِمُنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبْرُوتِ. وَاعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّاعُونَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفْلِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

(صلوات تفرجية)

سَيِّدُ الْإِسْتِعْفَارِ

اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ
سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّهٗ مَا فِى السَّمٰوٰتِ وَمَا
فِى الْاَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِى يَشْفَعُ عِنْدَهٗ
اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ
وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ
وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضُ وَلَا يَـُٔوْدُهٗ
حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيْمُ ﴿٢٥٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
الَّذِى تَنَحَّلَ بِهٖ الْعُقَدُ، وَتَنَفَّرَجَ بِهٖ الْكُرْبُ، وَتَقْضٰى بِهٖ
الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهٖ الرِّغَايِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقٰى
الْعَمَامُ بِوَجْهِهٖ الْكَرِيْمِ، وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ فِى كُلِّ لَمْحَةٍ
وَنَفْسٍ بَعْدَ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَّكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kamil! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّىْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِىْ وَاَنَا عَبْدُكَ،
وَاَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، اَعُوْذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اَبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَاَبُوْءُ بِذَنْبِىْ،
فَاَغْفِرْ لِيْ فَاِنَّهٗ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن یغ ممباوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قععملن (تولق بلاء)

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ (3)
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

اَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ الْعَظِيْمِ (2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakan rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللّٰهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ (1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173, Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، بِرَحْمَتِكَ اَسْتَغِيْثُ (5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahaminya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأُقَوِّضُ اَمْرِيْ اِلَى اللّٰهِ (4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsa seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.


**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN**

Bilangan Sebut Harga:
KSSUP / BIOS / JKSH /
02 / 2025 - 2026

Tajuk Sebut Harga:
Providing Technical
Service For Fishery Products
(Shrimp / Prawns / Feed)
In Compliance To ISO/IEC 17025
Standards Complete With
Logo Of Accreditation Bodies
(E.G. SAMM, SAC SINGLAS,
UKAS ETC.) On The Test
Result Report

**Tarikh Tutup
Mengambil Borang
Sebut Harga:**

12 Februari 2026,
Khamis,
Jam 2.00 Petang

**Tarikh Tutup
Sebut Harga:**

12 Februari 2026,
Khamis,
Jam 2.00 Petang

**Yuran Setiap
Satu Sebut Harga:**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)



Bilangan Sebut Harga:
KSSUP / BPK / JKSH /
ASET / 16 / 2025 - 2026

Tajuk Sebut Harga:
Renovation Works For
Biosecurity And Market
Access Division Office
At Level 1,
Ministry Of Primary
Resources And Tourism

Tarikh Buka

Sebut Harga:
26 Januari 2026,
Isnin

Tarikh Tutup

Sebut Harga:
26 Februari 2026,
Khamis,
Jam 12.00
Tengah Hari


KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 /
ITAU / TA / TL / 001
[JPPK / LTK / 16 / 2025]
One-Off Corrective Maintenance
And Repair Works For Royal
Brunei Naval Base Muara:
Replacement Of Low Voltage
Cable Various Locations,
Royal Naval Base Muara

Kelas:
III dan Ke Atas

Kategori:
E01 & E02

Tempoh Penyiapan Kerja:
Empat (04) Bulan

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)
Tarikh terakhir bagi
pembelian Borang
Tawaran adalah pada
Selasa,
10 Februari 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
10 Mac 2026
(Selasa)
Jam 12.00 Tengah Hari



Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 /
ITAU / RPK / TA / 01
Pembelian Alat Kelengkapan
Pejabat Bagi Kegunaan
Bilik Gerakan (OPS Room)
Rejimen Pasukan Khas,
Angkatan Bersenjata
Diraja Brunei

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan).

Tarikh terakhir
bagi pembelian
Borang Tawaran
adalah seminggu
sebelum tarikh
tutup tawaran,
iaitu
**Selasa,
3 Februari 2026.**

**Tarikh
Tutup Tawaran:**
Selasa,
10 Februari 2026
Jam 2.00 Petang


**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

**Dibukakan kepada
pemborong-pemborong
yang berdaftar
dengan Kementerian
Pembangunan Negara
Brunei Darussalam**

1. Keterangan Projek:
Supply And Install New Carpet
Floor At Bangunan Perkhidmatan
dan Pemeliharaan Kawasan
Jabatan Bandaran
Kuala Belait Dan Seria

Bilangan Tawaran:
24 / BBS / SH / 2025 - 2026

2. Keterangan Projek:
Remove, Supply And
Install Air Conditioners At
Bangunan Dewan Persidangan,
Jabatan Bandaran
Kuala Belait dan Seria,
Jalan Mckerron, Kuala Belait

Bilangan Tawaran:
25 / BBS / SH / 2025 - 2026

Kategori:
M01 - Sistem Hawa
Dingin Dan Pengedaran Udara
(Air Conditioning And
Ventilation System)

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Non-Refundable)

Tarikh Tutup:
Selasa,
10 Februari 2026


**KEMENTERIAN HAL EHWAL
LUAR NEGERI**

Bilangan Sebut Harga:
32 / MFA-ICC-Q / 2025 - 26

Tajuk Sebut Harga:
Carpet Replacement At
Multi-Purpose Hall Corridor,
International Convention Centre,
Berakas

Bayaran Yuran Dokumen:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
11 Februari 2026
Jam 2.00 Petang



Bilangan Sebut Harga:
31 / MFA-ICC-Q / 2025 - 26

Tajuk Sebut Harga:
Production Of Emergency Exit
Safety & Evacuation Video At
International Convention Centre,
Berakas

Bayaran Yuran Dokumen:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
18 Februari 2026
Jam 2.00 Petang



Bilangan Sebut Harga:
13 / ASSET.MFA / 2025

Tajuk Sebut Harga:
Rental Of Photocopier Machine
For ASEAN-EU Ministerial
Meeting 2026,
Ministry Of Foreign Affairs

Bayaran Sebut Harga:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
11 Februari 2026
Jam 2.00 Petang



I. Bilangan Sebut Harga:
KHELN / ICT / 2025 / 2KQ07
Quotation For
The Leasing Of PCS
For Meeting In ICC,
Berakas

II. Bilangan Sebut Harga:
KHELN / ICT / 2025 / 2KQ08
Quotation For The
Leasing Of A3 & A4
Printers For Meeting In ICC,
Berakas

Tarikh Tutup:
Rabu,
28 Januari 2026


**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Tawaran Tapak Bagi
Menjalankan Perusahaan
Ternakan Udang Menggunakan
Teknologi Di Tapak Ternakan
Udang Lot 16636,
Pangkalan Sibabau Zon 1,
Kampung Mentiri,
Negara Brunei Darussalam**

Tarikh Tutup:
Khamis,
12 Mac 2026
Jam 12.00
Tengah Hari





**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam**

Kelas:
V & VI Sahaja

Kategori:
KA01

**Tarikh Mengambil
Dokumen Tawaran:**
14 Januari 2026

**Tarikh Terakhir
Mengambil Dokumen
Tawaran:**
Selasa,
3 Februari 2026
Tidak Lewat Dari
Jam 3.00
Petang

**Tarikh
Tutup Tawaran:**
Selasa,
10 Februari 2026
Tidak Lewat Dari
Jam 2.00 Petang

1. Bilangan:
JKR / DOR / SRM 01 / 2026



Nama Projek:
Membaik Pulih
dan Menurap Semula Aspal
Jalan Raya di Lebuhraya Tunjung
– Tawaran Semula

2. Bilangan:
JKR / DOR / SRM 03 / 2026

Nama Projek:
Membaik Pulih
dan Menurap Semula
Jalan Utama – Jalan
Utama Salambigar

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

E-Dokumen:
Tidak Ada



Tajuk Tawaran:
The Supply And Delivery Of
Portable Push To Talk Device
Bundle With LTE At Brunei
International Airport'
ATELS / 2025 / SH-16 (R)

**Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
21 Januari 2026,
Rabu

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
3 Februari 2026,
Selasa

Tarikh Tutup Sebut Harga:
4 Februari 2026,
Rabu
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)

Kepada:
Pengerusi Jawatankuasa
Sebut harga
d/a Aras Bawah,
Bangunan Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan
dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan
BB2513
Negara Brunei Darussalam



**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam**

Kelas:
IV (III & IV) Sahaja

Kategori:
KA01 Sahaja – Kod Baharu

Bilangan Tawaran:
JKR / DDS 001 / 2026 –
(SEW).T.IV

Nama Projek:
Kontrak bermusim
Tiga (3) Tahun Bagi
Kerja-Kerja Operasi dan
Pemeliharaan Sistem
Telemetri Bahagian Pembedungan,
Jabatan Kerja Raya
(2026 – 2029)

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00

Kelas:
V (IV & V)
Sahaja

Kategori:
KA01 Sahaja – Kod Baharu

Bilangan Tawaran:
JKR / DDS 002 / 2026 –
(SEW) T.IV

Nama Projek:
Penyambungan Pembedungan
Di Kawasan Kg Pengkalan
Gadong, Kg Batu Bersurat
Dan Kg Menglait

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa,
10 Februari 2026
Tidak lewat
dari jam 2.00 Petang

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
3 Mac 2026
Tidak lewat
dari jam 2.00
Petang



**Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Di Dalam**

Kelas:
V & VI Sahaja

Kategori:
KA01

**Tarikh Mengambil
Dokumen Tawaran:**
14 Januari 2026

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa, 3 Februari 2026
Tidak Lewat Dari
Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
10 Februari 2026
Tidak Lewat Dari
Jam 2.00 Petang

Bilangan:
JKR / DOR / BBA 04 / 2026

Nama Projek:
Melapis Semula Jalan Aspal di
Jambatan Sultan Haji Omar' Ali
Saifuddien (SHOAS)

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

E-Dokumen:
Tidak Ada



**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**
(151) INFO / PK / K / 7
(2025-2026)
Sebut Harga Membekalkan
Perkhidmatan Video bagi
Pelita Brunei
(Quotation of Videography
Service for Pelita Brunei Video)

Yuran:
Dikenakan Bayaran
BND5.00
(Tidak Akan Dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Khamis,
5 Februari 2026
Jam 8.00 Pagi



**KOLEJ UNIVERSITI
PERGURUAN UGAMA
SERI BEGAWAN**

1. Bilangan Tawaran:
KUPU SB / JKS / PE /
01-12 / 2025 - 2026
To Design, Fabricate,
Supply, Delivery
And Installation Of Building Logo,
Signages And Boards
At Kolej Universiti Perguruan
Ugama Seri Begawan

2. Bilangan Tawaran:
KUPU SB / JKS / PE /
02-12 / 2025 - 2026
To Fabricate, Supply,
Deliver And Install New Stainless
Steel Safety Grill And Gate,
Aluminium Louvers And
Stainless Steel Handrail

3. Bilangan Tawaran:
KUPU SB / JKS / PE /
03-12 / 2025 - 2026
Painting Of Road Lines,
Markings And Kerb
At Kolej Universiti Perguruan
Ugama Seri Begawan

4. Bilangan Tawaran:
KUPU SB / JKS / PE /
01-01 / 2025-2026
To Supply And Install
Of New Air-Conditioning
Units At Hostel Kolej
Universiti Perguruan
Ugama Seri Begawan

5. Bilangan Tawaran:
KUPU SB / JKS / PE /
02-01 / 2025 - 2026
Sebut Harga Bagi Membekal,
Menghantar dan Memasang
Langsir Bagi Bilik-Bilik
Di Kolej Universiti Perguruan
Ugama Seri Begawan

6. Bilangan Tawaran:
KUPU SB / JKS / LIB /
01-01 / 2025 - 2026
Sebut Harga Bagi Membekal
dan Menghantar Sticker RFIID
Tagging Bagi Kegunaan
Perpustakaan Kolej Universiti
Perguruan Ugama
Seri Begawan

Tarikh Tutup:
Rabu,
9 Syaaban 1447H /
28 Januari 2026M



Tawaran Bilangan:
JDBM / Q / 01 / 2026

Tawaran :
Pakej Pengendalian
Persembahan Sempena
Majlis Keberangkatan KDYMM
Beramah Mesra Bersama
Rakyat Bertempat Taman Haji
Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup:
Selasa,
10 Februari 2026





KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Bahagian Khidmat
Bakti Negara [BKBN]
Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan
Negara Brunei Darussalam

Kenyataan Sebut Harga

1. Bilangan Sebut Harga:
18 / JULAI / KKBS /
BKBN / 1.40 / 22

Tajuk Sebut Harga:
Pembekalan Serta
Pengantaran Kain
Celoreng Program
Khidmat Bakti Negara

Tarikh Tutup:
Khamis,
29 Januari 2026



JABATAN MUZIUM-MUZIUM KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga:
20 / JMM / S / 12 / 91
(2025 / 2026) – R

Sebut Harga Bagi Pembelian
Untuk Membekal, Menghantar
Dan Memasang 43 Inci Mudah
Alih Dan Boleh Di Putar Kios
Android Skrin LED,
Bangunan Arkib Negara,
Jabatan Muzium-Muzium

**Tarikh Tutup
Sebut Harga:**
Khamis,
29 Januari 2026,
Jam 2.00 Petang



JABATAN DAERAH BELAIT KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Jabatan Daerah Belait
Kementerian Hal Ehwal
Dalam Negeri

**Tawaran Bagi
Ruang Kedai No. 4,
Dewan Kemasyarakatan
Kampung Pandan Kuala Belait
Negara Brunei Darussalam**

Bilangan Tawaran:-
JDB / BMP / 5.1 / E

**Bayaran
Yuran Tawaran:**
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh
Tutup Tawaran:**
Selasa,
27 Januari 2026
Jam 12.00
Tengah Hari



JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Di Negara
Brunei Darussalam**

Kelas:
II, III atau IV

Kategori:
KPB12

**Tarikh Buka
Tawaran pada:**
22 Disember 2025
(Isnin)

**Lanjutan Tarikh Akhir
Mengambil Dokumen
Tawaran:**
27 Januari 2026
(Selasa)

**Lanjutan
Tarikh Tutup Pada:**
3 Februari 2026
(Selasa)
Sebelum Jam
2.00 petang

(Di Tutup di Pejabat
Lembaga Tawaran Kecil,
di Tingkat Bawah Bangunan
Kementerian Pembangunan,
Lapangan Terbang Lama
Berakas,



JABATAN PERHUTANAN KEMENTERIAN SUMBER- SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Tawaran:
JPH / 002 / SH / 2568 /
2025 - 2026

Penyediaan Display
Unit Bagi Kegunaan Pameran
Bahagian Industri Perakayan,
Jabatan Perhutanan.

**Tarikh dan Jam
Tutup Sebut Harga:**
Khamis,
29 Januari 2026
Jam 2.00 Petang



Bandar Seri Begawan
BB3510,
Negara Brunei Darussalam)

JASTRE / BL / T026 / 2025

Kerja-Kerja Pemeliharaan
Landskap Di Kawasan
Lapangan Terbang Lama,
Berakas,
Negara Brunei Darussalam
Bagi Tempoh
Tiga (3) Tahun.

No. Projek:
JASTRE / BL / T026 / 2025

Jumlah Yuran Tawaran:
BND 30.00
(Non Refundable)



JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:

Supply And Delivery of Configured
Line Replaceable Units (LRUS) –
Embedded Maintenance CPU (EM
CPU), AC/DC Converter, Monitor
Splitter Board (MON SPL) And
Monitor Board (MON) For Doppler
Very High Frequency (VHF)
Omnidirectional Range (DVOR),
Department of Civil Aviation
ATELS / 2025 / SH-31

**Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
Rabu,
14 Januari 2026

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
Selasa,
27 Januari 2026

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
28 Januari 2026
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)

Kepada:
Pengerusi
Lembaga Sebut Harga Kecil
Kementerian Pengangkutan Dan
Infokomunikasi
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan
BB3910
Negara Brunei Darussalam



JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PERDANA MENTERI

**Bilangan dan
Tajuk Tawaran:**
JPE / LTK / DIS / 114 / 2025
Provision Of Manpower For
Distribution Network Remedial
Works In Temburong District

Tarikh Tutup:
Selasa,
3 Februari 2026
Jam 2.00 Petang

Harga Dokumen:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:
Tender Box
Pengerusi Lembaga
Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama, Aras 1,
Bangunan Jabatan
Perdana Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan,
BB3913,
Negara Brunei Darussalam



Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JPE / LTK / DIS / 123 / 2025
Wayleave Maintenance Of
28ft/35ft Of 415V/11KV Overhead
Line and Poles In Tutong District
(Zone A) For A Period Of
Three (3) Years

Tarikh Tutup:
Selasa,
3 Februari 2026
Jam 2.00 Petang

Harga Dokumen:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:
Tender Box
Pengerusi Lembaga
Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama, Aras 1,
Bangunan Jabatan
Perdana Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan,
BB3913,
Negara Brunei Darussalam



JABATAN DAERAH TUTONG KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran:
JDT / BPP / 02 / 2025 - 2026

Tajuk Tawaran:
Pengurusan Dan Pengendalian
Tapak Serta Acara Sepanjang
Tempoh Projek Di Kawasan
Tanah Lapang Berhadapan
Dengan Hospital Pengiran
Muda Mahkota Pengiran Muda
Haji Al-Muhtadee Billah,
Tutong.

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
Selasa,
3 Februari 2026



MENGUKUHKAN SEMANGAT SOLIDARITI, KENEGARAAN DALAM KALANGAN PENUNTUT



Siaran Akhbar : Jabatan Penerangan
Foto : Alishahrin Haji Mumin

SEKITAR program tersebut yang diadakan di dewan perpustakaan Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, Tutong (atas, atas kiri dan bawah kiri).



TUTONG, Ahad, 25 Januari. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) melalui Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Bahagian Komunikasi Strategik meneruskan lagi Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' dengan berkunjung ke Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, Tutong.

Seramai 96 orang penuntut Tahun 7 menghadiri taklimat yang diadakan di dewan perpustakaan sekolah berkenaan, baru-baru ini. Turut hadir Pemangku Timbalan Pengetua, Awang Mohammad Aminor Rashid bin Haji Wahap, dan para tenaga pengajar Tahun 7.

Taklimat disampaikan oleh Pemangku Pegawai Penerangan, Awang Mohammad Nurakram bin

Noraini@Bahrin, selaku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Bahagian Komunikasi Strategik yang antara lain menyentuh mengenai raja, sejarah dan tatacara menaik kibarkan bendera negara serta sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan'.

Kuiz Kenegaraan juga diadakan bagi meningkatkan kefahaman para pelajar terhadap taklimat yang disampaikan. Para pemenang kuiz menerima hadiah sumbangan Jabatan Penerangan.

Program Taklimat Kenegaraan merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara. Ia juga dihasratkan akan dapat mengukuhkan lagi semangat



TAKLIMAT disampaikan oleh Pemangku Pegawai Penerangan, Awang Mohammad Nurakram bin Noraini@Bahrin, selaku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Bahagian Komunikasi Strategik.

solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut.

جائز فراتجف ايكونومي دان ستاتستيك
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

JUALAN MEGA BRUNEI 2026

9 FEBRUARI – 5 APRIL 2026

Penyertaan bagi Peniaga Dibuka

Peluang bagi peniaga untuk:

- Menawarkan promosi & diskaun menarik
- Meningkatkan jualan perniagaan
- Menggalakkan perbelanjaan domestik

Imbas untuk menyertai:
<http://go.gov.bn/jmb2026>

Belanja Dalam Negara, Raikan Bersama

Jabatan Hal Ehwal Pengguna, Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Tingkat 4, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Commonwealth Drive, Negara Brunei Darussalam

Penyertaan JMB 2026 kini dibuka

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 Januari. - Bersempena dengan musim perayaan yang akan datang, Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi mengalu-alukan para peniaga untuk menyertai acara jualan kebangsaan Jualan Mega Brunei (JMB) 2026, yang akan berlangsung selama 56 hari bermula 9 Februari 2026 hingga 5 April 2026.

JMB 2026 bertepatan dengan sambutan perayaan utama termasuk Tahun Baharu Cina, Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-42 dan Hari Raya Aidilfitri.

Acara jualan murah berkenaan bertujuan untuk mempromosi perbelanjaan domestik dan menggalakkan orang ramai membeli-belah di dalam negara sepanjang musim perayaan.

Inisiatif kebangsaan JMB 2026 merupakan sebagai platform bagi menyokong peniaga tempatan dan menggalakkan orang ramai untuk berbelanja dalam negara ke arah mengekalkan perbelanjaan domestik, dengan harapan untuk

merangsang aktiviti perniagaan dan membantu usahawan tempatan, serta mewujudkan peluang pekerjaan.

Melalui inisiatif Shop Local yang dianjurkan oleh JPES, peniaga diberi platform untuk meningkatkan publisiti dan menarik pengguna serta seterusnya menjadi sebahagian daripada usaha kolektif untuk merangsang aktiviti ekonomi domestik demi kepentingan negara.

Peniaga yang menyertai acara berkenaan akan disenaraikan di dalam laman sesawang JPES bagi tujuan publisiti dan peluang untuk menarik pengguna mengunjungi premis perniagaan.

JMB 2026 memberi ruang kepada peniaga daripada pelbagai sektor untuk meningkatkan jualan melalui menawarkan promosi yang menarik dan kreatif bagi produk dan perkhidmatan.

Acara berkenaan juga menggalakkan pengguna untuk meneroka pelbagai pilihan membeli-belah yang ditawarkan sepanjang JMB 2026.

Para peniaga yang berminat untuk menyertai JMB 2026 boleh memuat turun Borang Makluman Jualan dari laman sesawang

JPES mulai hari ini.

Borang Makluman Jualan yang telah lengkap diisi boleh dihadapkan kepada JPES melalui e-mel sales@jpes.gov.bn tidak lewat 7 Februari 2026.

JPES mengingatkan para peniaga yang akan menyertai JMB 2026 untuk menjalankan aktiviti jualan yang beretika dengan mematuhi Peraturan-peraturan Acara Harga Jualan Murah, Perintah Paparan Tanda Harga dan Akta Perlindungan Pengguna (Perdagangan Wajar), Penggal 261.

Aktiviti jualan yang beretika akan membantu membina kepercayaan dan keyakinan pengguna, seterusnya menyokong pertumbuhan perniagaan tempatan.

Bagi maklumat lanjut mengenai JMB 2026, orang ramai dan para peniaga boleh menghubungi JPES melalui e-mel sales@jpes.gov.bn.

IKLAN

DynamicsGrow, baja cecair teknologi nano pertama buatan tempatan, jalan penyelesaian bagi masalah tanaman biskita. Hubungi kami +673 8265111 untuk pertanyaan lanjut.

Projek Fathul Barakah 7.0 peluang hulu infak jariah, sedekah



TURUT hadir menyertai acara menerima sumbangan bagi projek tersebut ialah Pemangku Penolong Pengarah PDI, Pengiran Hajah Haslina Suriani binti Pengiran Haji Piut (atas), manakala gambar kanan, antara sumbangan yang diterima.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 Januari. - Projek Fathul Barakah 7.0 merupakan satu usaha murni yang bertujuan untuk memberi peluang kepada orang ramai menghulurkan infak jariah atau bersedekah dalam bentuk sumbangan makanan asasi kepada para asnaf mualaf yang memerlukan, khususnya dalam menyambut kedatangan bulan suci

Ramadan.

Projek tersebut diunkayahkan oleh Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama Persatuan Saudara-Saudara Baharu.

Penerimaan sumbangan bagi Projek Fathul Barakah 7.0 untuk Daerah Brunei dan Muara diadakan selama dua hari, bermula

hari ini hingga esok pada jam 8.30 pagi hingga 4.00 petang, bertempat di Bangunan Darul Huda, PDI, Kampung Pulaie secara pandu lalu.

Turut hadir menyertai acara menerima sumbangan bagi projek tersebut ialah Pemangku Penolong Pengarah PDI, Pengiran Hajah Haslina Suriani binti Pengiran Haji Piut.

Manakala penerimaan sumbangan Projek Fathul Barakah 7.0 bagi Daerah Belait, Tutong dan Temburong pula akan diadakan selama dua hari bermula 26 hingga 27 Januari 2026, dari jam 8.30 pagi hingga 4.00 petang bertempat di Pejabat Cawangan Da'wah Daerah Belait, Pejabat Cawangan Da'wah Daerah Tutong dan Pejabat Cawangan Da'wah Daerah Temburong.

Antara sumbangan makanan asasi yang diterima termasuk beras, minyak masak, biskut, tepung, gula (2 kilogram setiap pek), makanan dalam tin, udang atau pusu kering, bawang-bawangan, garam, teh atau kopi, mi, mentega dan air mineral serta barangan keperluan asasi lain yang bersesuaian.

Usaha murni dan berkebajikan

Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan **kanser kolorektal**, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

PENGESAHAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Selamatkan Raksasa



ini dilaksanakan bagi kesejahteraan para mualaf di negara ini, di samping mengharapkan ganjaran pahala berlipat ganda daripada Allah

Subhanahu Wata'ala serta mengeratkan hubungan ukhuwah antara Ahli - ahli Persatuan Saudara-Saudara Baharu dan warga kerja PDI.

POSBRU AKAN MENGELUARKAN PRODUK FILATELIK SETEM KENANG-KENANGAN



Siaran Akhbar dan Foto : PosBru Sdn. Bhd.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 Januari. - PosBru Sdn. Bhd. (PosBru) akan mengeluarkan produk filatelik, iaitu Setem Kenang-kenangan Ulang Tahun Jubli Intan Perkahwinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

PRODUK - produk filatelik yang akan dijual (kiri, kanan dan bawah kanan).

Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam pada Isnin, 26 Januari 2026.

PosBru akan memperkenalkan satu reka bentuk setem yang berharga 60 sen bagi setiap denominasi.

Selain itu, PosBru juga akan mengeluarkan Sampul Surat Rasmi Hari Pertama dengan harga 45 sen, dan juga bagi keluaran setem kenang-kenangan berkenaan, PosBru turut mengeluarkan produk setem lembaran mini dengan harga BND60.

Produk-produk filatelik yang akan dijual adalah seperti berikut, iaitu Lembaran Setem Set Penuh yang tidak dipotong (*uncut*) mempunyai 20 keping setem berharga BND12; Set Setem berharga 60 sen; Sampul Surat Rasmi Hari Pertama bersetem berharga BND1.05; Sampul Surat Rasmi Hari Pertama tanpa setem berharga 45 sen; dan Setem Lembaran Mini berharga BND60.

Para penggemar koleksi setem dan orang ramai bolehlah memperoleh setem berkenaan bersama Sampul Surat Rasmi Hari Pertama dengan mengunjungi cawangan-cawangan PosBru yang berdekatan pada Isnin, 26 Januari 2026.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Unit Pemasaran di talian +673 7291679 atau +673 2222191, atau melalui e-mel di feedback@posbru.com.bn.



IMBASAN MINGGUAN



PARA penuntut turut menyertai Munajat Khas bagi Memohon Kesihatan dan Kesejahteraan raja yang dikasihi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. - Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kashran.



PENERANGAN lanjut mengenai program-program RTB bagi 2026 disampaikan oleh wakil-wakil dari Bahagian Rancangan Radio, TV, Berita dan Hal Ehwal Semasa dan Bahagian Pemasaran dan Promosi semasa Hari Terbuka 'RTB Prime Access' bertempat di Jade Garden, Level 2, The Centrepoin Hotel. - Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid.



SEBAHAGIAN penduduk dari Kampung Batu Marang yang hadir pada Program Sua Muka yang dilaksanakan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri bagi Kampung Batu Marang, Mukim Mentiri. - Foto : Azmah Haji Ahad.



PELAJAR Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah semasa mengikuti aktiviti kempen kesedaran anti-buli di sekolah berkenaan. - Foto : Nurdyanah Rajami.

SALAH seorang penuntut Tahun 7 dari Sekolah Menengah Sultan Hassan semasa menjawab beberapa soalan menerusi Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam'. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

MENINGKATKAN KEFAHAMAN MASYARAKAT HUKUM-HAKAM PUASA, QADA, FIDYAH

Siaran Akhbar dan Foto : Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 Januari. - Lebih 20 peserta yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan kerajaan serta swasta dan juga peserta persendirian menyertai Program Pendidikan Syariah 3.0 (Puasa, Qadha dan Fidyah) yang dianjurkan bersama oleh Fakulti Syariah serta Pusat Pengajian Jawi dan Kitab Turath, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) bertempat di kampus kolej universiti berkenaan.

Program berakhir petang tadi dengan Majlis Penyampaian Sijil yang disempurnakan oleh Dekan Fakulti Syariah, KUPU SB, Dr. Adibah Husna binti Haji Ismail.

Program sehari berkenaan merangkumi sesi kuliah dan Bengkel Pengiraan Fidyah yang

dikendalikan oleh tenaga akademik KUPU SB, antara lain bertujuan untuk meningkatkan kefahaman masyarakat mengenai hukum-hukum yang berkaitan dengan puasa, qada dan fidyah, lebih-lebih dengan ketibaan bulan Ramadan yang menjelang tiba.

Dengan menghidupkan kembali tradisi keilmuan Islam melalui rujukan kitab Turath, ia juga bermatlamat untuk mengatasi kekeliruan yang sering timbul dalam kalangan umat Islam ke arah pelaksanaan ibadah puasa yang sempurna.

Selain itu, ia sekali gus mewujudkan ruang interaktif untuk para peserta berkongsi pengalaman dalam dialog terbuka dan seterusnya mendalami isu-isu kontemporari yang menghambat dunia masa kini.



PROGRAM Pendidikan Syariah 3.0 (Puasa, Qadha dan Fidyah) anjuran bersama oleh Fakulti Syariah serta Pusat Pengajian Jawi dan Kitab Turath, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) diadakan di kampus kolej universiti berkenaan.

Memupuk kefahaman murid tentang kewajipan sembahyang

Oleh : Siti Rokiah Abdullah
Foto : Ihsan Taman Asuhan Kanak-Kanak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah



SEKITAR Majlis Sambutan Israk Mikraj yang diadakan di Dewan Serbaguna, Taman Asuhan Kanak-Kanak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (TASKA YSHHB) (atas kiri, atas kanan dan bawah kiri).



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 Januari. - Lebih 500 murid daripada Taman Asuhan Kanak-Kanak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (TASKA YSHHB) pagi tadi menghadiri Majlis Sambutan Israk Mikraj yang diadakan di Dewan Serbaguna taska berkenaan.

Turut hadir ialah Pengetua Sekolah Rendah dan TASKA YSHHB, Dayang Hajah Hafizah binti Haji Salat serta penolong pengetua, guru-guru, pembantu

guru serta kakitangan TASKA YSHHB.

Majlis keagamaan tersebut dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Awang Muhammad Nazmi bin Haji Puasa dan diikuti penyampaian kisah ringkas mengenai perjalanan Israk Mikraj Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang disampaikan oleh Dayang Noryasimah binti Mohd. Yassin.

Sambutan juga diserikan

dengan tayangan video mengenai cara-cara mengambil wudhu, berselawat ke atas Junjungan Mulia Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam secara beramai-ramai dipimpin oleh Dayang Roshamimi binti Haji Ibrahim.

Antara lain sambutan tersebut untuk merayakan hari kebesaran Islam sebagai salah satu aktiviti keagamaan, menanamkan rasa cinta kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan untuk memberikan penerangan mengenai peristiwa Israk Mikraj terutama kewajipan untuk menunaikan sembahyang.

Selain itu, sambutan juga bertujuan untuk menerapkan kewajipan melakukan wudhu sebelum menunaikan sembahyang.

Melalui penganjuran Majlis Israk Mikraj tersebut, murid-murid didedahkan dengan peristiwa penting berlaku dalam sejarah Islam dan pada masa yang sama memupuk kefahaman para murid daripada peringkat awal mengenai kewajipan menunaikan sembahyang dan kepentingan berwudhu sebagai asas pembentukan sahsiah muslim sejak usia awal.



Mulakan hari ini, nikmati hari esok



Rencana dan Infografik : Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz

PENJAGAAN kesihatan sering kali diabaikan disebabkan oleh tuntutan kerja, komitmen keluarga dan kekangan masa terutama sekali di dalam dunia moden yang serba pantas ini. Ramai yang menganggap mengamalkan gaya hidup sihat memerlukan komitmen yang besar, disiplin ketat serta perubahan drastik, sedangkan ia boleh dimulakan secara perlahan-lahan mengikut kesesuaian jadual harian masing-masing.

Kesihatan yang terjaga bukan sahaja memberi manfaat kepada tubuh seseorang individu bahkan ia memberi kesan positif seperti ketenangan emosi dan jiwa serta dapat menjalani aktiviti seharian dengan lebih produktif dan efisien. Dalam mengamalkan gaya hidup sihat ia tidak memerlukan kesempurnaan hanya dengan membuat pilihan bijak setiap hari untuk kesejahteraan diri dan orang sekeliling.

Antara aspek penting dalam melakukan amalan gaya hidup sihat ialah dengan pengambilan pemakanan sihat dan seimbang, melakukan pergerakan fizikal yang konsisten, penjagaan kesihatan mental serta pengurusan tekanan yang berkesan dan sokongan keluarga juga persekitaran.

Pilih makanan dengan bijak

Pemakanan memainkan peranan penting dalam menentukan tahap kesihatan seseorang. Bukan bermaksud mengelak atau berhenti dari menikmati makanan kegemaran sepenuhnya, sebaliknya belajar untuk mengawal dan mengamalkan pengambilan kuantiti yang sederhana dalam hidangan harian iaitu dengan melebihi pengambilan sayur-sayuran, buah-buahan, sumber protein berkualiti dan bijirin penuh yang dapat membantu memenuhi keperluan nutrisi tubuh.

Selain itu, pengambilan air kosong yang mencukupi setiap hari amat penting bagi mengelakkan dehidrasi dan memastikan tubuh kekal segar dan sihat. Dalam masa yang sama, pengambilan makanan tinggi gula, garam dan lemak sepatutnya diambil secara sederhana. Apabila mengambil pemakanan yang seimbang tubuh menjadi lebih bertenaga, tumpuan bertambah baik dan risiko pelbagai penyakit tidak berjangkit dapat dikurangkan.

Lakukan aktiviti fizikal secara konsisten

Aktiviti fizikal juga tidak kurang pentingnya untuk kesihatan tubuh dan mental. Melakukan aktiviti fizikal tidak semestinya rumit, memerlukan kos yang tinggi atau

peralatan khas hanya dengan melakukan pergerakan ringkas seperti berjalan kaki, senaman ringan, menaiki tangga atau membuat kerja-kerja rumah juga dikira sebagai aktiviti fizikal yang menyumbang kepada tahap kecergasan.

Kita disarankan untuk melakukan aktiviti fizikal sekurang-kurangnya dalam 30 minit sehari, lima kali seminggu kerana ia dapat melancarkan peredaran darah, menguatkan otot serta meningkatkan stamina dan mengawal berat badan. Ia juga dapat membantu mengurangkan risiko penyakit tidak berjangkit seperti jantung, strok, diabetes dan kanser. Selain daripada itu, ia juga dapat membantu meningkatkan kecergasan, mengurangkan tekanan, memperbaiki kualiti tidur dan meningkatkan kesejahteraan mental secara keseluruhan.

Jaga kesihatan mental

Kesihatan mental tidak boleh dipandang ringan kerana kesannya amat besar terhadap kehidupan seharian. Tekanan kerja, masalah peribadi atau tuntutan tanggungjawab boleh menjejaskan emosi juga memberi kesan negatif kepada kesihatan tubuh badan jika tidak ditangani dengan baik.

Oleh itu, rehat yang mencukupi, tidur berkualiti serta meluangkan masa untuk diri sendiri perlu diberi perhatian. Aktiviti santai seperti membaca, mendengar muzik atau melakukan hobi kegemaran mampu membantu mengurangkan tekanan juga menenangkan fikiran.

Bagi sesetengah individu, pengisian rohani seperti berzikir dan membaca Al-Quran turut menjadi sumber ketenangan dan kekuatan dalam menghadapi cabaran kehidupan. Amalan ini mendekatkan diri kepada Tuhan sekali gus membantu menenangkan jiwa dan memupuk ketenangan dalaman.

Sokongan keluarga dan persekitaran

Selain usaha individu sendiri, sokongan keluarga dan persekitaran juga sangat diutamakan dalam kehidupan sihat kerana ia memberikan sokongan emosi yang boleh mengurangkan tekanan juga meningkatkan kesihatan mental, membantu individu menghadapi cabaran hidup dan membuatkan mereka berasa disokong serta lebih berkeyakinan diri.

Dengan berinteraksi dan bersosial serta melakukan aktiviti bersama seperti berkongsi tip-tip dan pengetahuan mengenai kesihatan mental dan fizikal, bersenam secara berkumpulan atau menyertai program

AMALAN GAYA HIDUP SIHAT

Pilih makanan dengan bijak



Jaga kesihatan mental

Berzikir & membaca Al-Quran

Luangkan masa untuk hobi

bantu mengurangkan tekanan dan menenangkan fikiran.

Minum air kosong secukupnya

Sekurang-kurangnya 6 ke 8 gelas atau 2 liter sehari

Mengelakkan dehidrasi Tubuh kekal segar & sihat

Sokongan keluarga & persekitaran

Berinteraksi & bersosial

Sokongan emosi

Lakukan aktiviti bersama

meningkatkan semangat & keyakinan diri.

Lakukan aktiviti fizikal secara konsisten

Sekurang-kurangnya 30 minit sehari, 5 kali seminggu

boleh membantu mengurangkan penyakit tidak berjangkit.

kesihatan dapat meningkatkan semangat serta komitmen.

Ia juga boleh menjadikan amalan gaya hidup sihat lebih menyeronokkan dan mudah dikekalkan dalam jangka panjang.

Kesimpulan

Gaya hidup sihat bukanlah sesuatu yang sukar dicapai jika dimulakan dengan langkah kecil secara berterusan. Perubahan sederhana yang dilakukan hari ini mampu membawa kesan besar kepada kualiti hidup pada masa hadapan.

Dengan mengutamakan kesihatan, kita bukan sahaja menjaga diri sendiri, malah membantu mewujudkan kesejahteraan keluarga dan masyarakat. Mulakan sesuatu dengan apa yang awda mampu, kerana setiap pilihan bijak hari ini adalah aset berharga untuk dinikmati ke arah kehidupan yang lebih sejahtera pada esok hari.

Oleh itu, amalkan gaya hidup sihat sebagai rutin harian awda, keluarga dan rakan-rakan agar menjadi lebih sihat, cergas dan cerdas.





Hidupkan penggunaan daster

Oleh : Norlia Md. Zain

Foto : Ak Jefferi Pg Durahman

DASTER merupakan satu pakaian tradisional yang dipakai oleh masyarakat Melayu Brunei yang diperbuat daripada kain, dililit secara khusus di kepala, dan melambangkan kebijaksanaan, kewibawaan serta identiti budaya.

Dahulu, daster dipakai oleh raja-raja Melayu dan para pembesar sebagai simbol kebijaksanaan, kewibawaan dan penghormatan.

Kini daster muncul semula sebagai gaya Aidilfitri dan fesyen lelaki atau kanak-kanak, membuktikan tradisi boleh disesuaikan dengan zaman. Menjual dan mempopularkan semula daster membantu generasi muda mengenali akar budaya mereka.

Pengusaha yang menjual daster dapat menghidupkan kembali penggunaan

daster sebagai produk fesyen harian, menjadikannya bukan sekadar warisan tetapi juga sumber pendapatan. Dengan pendekatan moden, daster boleh menjadi simbol fesyen harian yang tetap berakar pada budaya Melayu.

Awang Haji Abu Bakar bin Mansor, 78, sebelum ini pernah menjadi guru di sekolah rendah dan menengah dan kemudiannya dilantik menjadi Penghulu Mukim Lumapas. Beliau juga pernah dilantik menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Ketika ini beliau aktif berniaga daster. Dengan kain yang sudah sedia dijahit mengikut yang beliau kehendaki, beliau dapat menambat daster dalam masa 15 minit atau kurang.

Ditanya dari mana belajar menambat daster, pada tahun 1970-an beliau pernah belajar di Bubungan Dua Belas yang mana ketika itu beliau ditunjukkan sahaja cara-cara melipat tanpa ada praktikal.

Antara simpulan daster yang beliau buat ialah Simpulan Kasih, Nusantara, Dandam Tak Sudah. Setiap jenis daster mempunyai corak dan tambatan lipatannya yang berbeza.

Ada beberapa jenis saiz daster yang beliau hasilkan iaitu daster untuk anak damit (dua ke 10 bulan), kanak-kanak (dua hingga 12 tahun) dan dewasa (12 tahun ke atas). Terdapat juga daster kecil dan comel sesuai dijadikan sebagai cenderahati berharga BND5.

Walaupun sudah lama meninggalkan kerjaya sebagai pendidik, minat mendalam dalam bidang ini masih diteruskan. Selain menjual daster, beliau juga turut membuat bengkel menambat daster dan menapih sinjang dengan mengenakan bayaran sebanyak BND10 seorang dengan minima 10 orang peserta setiap bengkel. Jika kurang dari 10 orang, beliau mengenakan caj sebanyak BND15 seorang.

Setakat ini beliau bukan sahaja membuat bengkel di dalam negara, malah juga di beberapa kawasan negara jiran Sabah, Malaysia seperti kawasan Sipitang dan Beaufort.

Penutup

Warga emas yang aktif seperti ini patut kita contoh. Jika seorang warga emas berusia hampir 80 tahun masih gigih mencari rezeki, inikan pula orang muda-mudi yang masih dikurniakan tenaga yang kuat sepatutnya lebih gigih lagi dengan melipatgandakan usaha mencari rezeki.

Mudah-mudahan dengan adanya usaha menjual daster ini, ia dapat menjadi strategi mempertahankan tradisi sambil membuka ruang ekonomi kreatif. Ia bukan sekadar menjual kain ikat kepala, tetapi juga menjual identiti, sejarah dan kebanggaan bangsa.

TOTAL ENERGIES, CONOCOPHILLIPS BAKAL LABUR LEBIH US\$20 BILION DALAM PENGELUARAN MINYAK LIBYA



BEIRUT, 25 Jan. - Libya telah menandatangani perjanjian dengan syarikat tenaga Perancis, TotalEnergies dan syarikat minyak Amerika Syarikat (AS), ConocoPhillips membabitkan pelaburan dalam pengeluaran minyaknya yang melebihi US\$20 bilion

di luar belanjawan negara, kata Ketua Kerajaan Perpaduan Nasional Libya, Abdul Hamid Dbeibah, lapor Sputnik/RIA Novosti. "Antara perkongsian utama ialah menandatangani perjanjian pembangunan jangka panjang selama 25 tahun dalam Waha Oil

Company bersama TotalEnergies dari Perancis dan ConocoPhillips dari AS, dengan pelaburan melebihi US\$20 bilion melalui pembiayaan luar di luar belanjawan negara," kata Dbeibah menerusi platform X. Beliau berkata perjanjian itu akan menyediakan sumber

tambahan kepada ekonomi negara, mewujudkan peluang pekerjaan, serta menambah baik perkhidmatan dan kestabilan kewangan yang akan memberi kesan langsung kepada pendapatan serta kualiti hidup rakyat.

Libya kini ditadbir oleh dua kerajaan yang bersaing - pentadbiran yang diiktiraf Pertubuhan Bangsa - bangsa Bersatu (PBB) di Tripoli yang diketuai oleh Dbeibah, dan kerajaan yang berpangkalan di timur di Benghazi pimpinan Osama Hammad. - ©BERNAMA

Sekurang-kurangnya 15 negeri AS, Washington DC isytihar darurat menjelang ribut musim sejuk

WASHINGTON, 24 Jan. - Jutaan penduduk di Amerika Syarikat (AS) menghadapi keadaan darurat pada Jumaat ketika sebahagian besar negara itu bersiap sedia menghadapi ribut musim sejuk terbesar pada hujung minggu ini, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Kesan ribut yang berpotensi melakar sejarah itu dijangka dirasai dari barat daya hingga timur laut, bermula Sabtu.

Setakat ini, darurat telah diisytiharkan di Alabama, Arkansas, Georgia, Kansas, Kentucky, Louisiana, Maryland, Mississippi, Missouri, New York, Carolina Utara,

Carolina Selatan, Tennessee, Texas, Virginia dan ibu negara Washington DC.

Perkhidmatan Cuaca Kebangsaan (NWS) menyatakan salji lebat dijangka melanda dari Oklahoma di Midwest hingga selatan Maine di Timur Laut. "Hujan sejuk beku dan slit yang meluas" turut dijangka berlaku di seluruh wilayah Selatan dan Tenggara negara itu.

"Ribut ini akan menyebabkan pengumpulan ais yang signifikan hingga berpotensi membawa bencana, dengan risiko gangguan bekalan elektrik dalam tempoh lama,

kerosakan pokok yang meluas serta keadaan perjalanan yang sangat berbahaya atau tidak dapat dilalui," menurut NWS di platform X.

Stesen penyiaran ABC melaporkan lebih 2,000 penerbangan pada Sabtu di dalam, ke atau keluar negara itu telah dibatalkan susulan ribut yang bakal melanda.

Di Washington DC, Datuk Bandar Muriel Bowser memberi amaran bahawa ibu negara itu dijangka dilanda ribut musim sejuk terbesar dalam sedekad, dengan pengisytiharan darurat beliau

dijadual bermula pada tengah hari Sabtu dan kekal berkuat kuasa sehingga Selasa.

Sekurang - kurangnya 23 sentimeter (cm) salji dijangka turun di Washington DC dengan beberapa model ramalan menunjukkan lebih 30cm. Pengumpulan salji dijangka

bermula Sabtu malam dan berterusan hingga Ahad ketika suhu menjunam.

Presiden AS Donald Trump memberi amaran bahawa 'gelombang sejuk terburuk pernah direkodkan' dijangka melanda puluhan negeri AS. - ©BERNAMA

Serbuan pusat penipuan di Kemboja : Lebih 2,100 warga Republik Indonesia mohon bantuan kedutaan

JAKARTA, 24 Jan. - Seramai 2,117 warga Republik Indonesia mendapatkan bantuan daripada Kedutaan Besar Republik Indonesia di Phnom Penh sepanjang minggu lalu untuk pulang ke tanah air, susulan peningkatan kes yang dikaitkan dengan tindakan keras pihak berkuasa Kemboja terhadap pusat penipuan dalam talian.

Kementerian Luar Republik Indonesia memaklumkan bahawa jumlah berkenaan dijangka terus meningkat apabila lebih ramai warga Republik Indonesia tampil mendapatkan bantuan.

Pada 22 Januari sahaja, seramai 224 warga Republik Indonesia melaporkan diri kepada kedutaan, diikuti 164 lagi setakat 5 petang keesokan harinya, sekali gus meningkatkan jumlah daripada 1,726 yang

direkodkan antara 16 hingga 21 Jan kepada 2,117.

"Peningkatan ini berlaku berikutan serbuan kerajaan Kemboja terhadap operasi penipuan dalam talian, yang mendorong ramai rakyat asing, termasuk warga Republik Indonesia, meninggalkan lokasi yang dikaitkan dengan sindiket berkenaan.

"Situasi serupa turut dilaporkan di beberapa kedutaan asing lain di Phnom Penh yang juga sesak dengan warganegara masing-masing," menurut Kementerian itu dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Duta Besar Republik Indonesia ke Kemboja Santo Darmosumarto berkata pihak kedutaan kini mempertingkatkan penyelarasan dengan pihak berkuasa Kemboja bagi

mempercepatkan kelulusan permit keluar serta memohon kelonggaran penalti imigresen bagi warga Republik Indonesia yang terjejas.

Menurut kementerian itu, sepanjang 2025, pihak kedutaan telah mengendalikan 5,088 kes berkaitan warga Republik Indonesia, dengan purata 15 hingga 30 kes sehari - jauh lebih rendah berbanding minggu lalu apabila aduan baharu pernah mencecah 520 kes dalam sehari.

Warga Republik Indonesia turut diingatkan supaya berwaspada terhadap penipuan yang menyamar sebagai pihak kedutaan dan dinasihatkan agar terus berhubung dengan ahli keluarga di Republik Indonesia untuk membantu kelancaran proses kepulangan mereka. - ©BERNAMA

Tebing Barat hadapi krisis kemanusiaan terburuk sejak 1967

ISTANBUL, 24 Jan. - Tebing Barat yang diduduki kini mengalami krisis kemanusiaan paling buruk sejak 1967, menurut Agensi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk Pelarian Palestin (UNRWA) pada Jumaat, berikutan pemindahan paksa secara besar-besaran dan kemusnahan meluas di kem pelarian susulan operasi ketenteraan Israel.

Anadolu Ajansi (AA) melaporkan bahawa Ketua Pesuruhjaya UNRWA Philippe Lazzarini berkata seramai 33,000 penduduk kekal dipindahkan secara paksa dari kem pelarian di utara, setahun selepas Israel melancarkan operasi "Iron Wall".

"Pasukan tentera Israel telah merobohkan sebahagian besar kawasan di kem berkenaan, sekali gus mengurangkan peluang komuniti ini untuk pulih," katanya dalam satu kenyataan di platform X.

Lazzarini berkata pasukan UNRWA "sedang membantu pelarian Palestin yang baru dipindahkan yang kini terjerumus ke dalam kancas kemiskinan serta tidak mempunyai alternatif yang berdaya maju untuk penjagaan kesihatan, pendidikan dan kebajikan".

Beliau menegaskan bahawa keupayaan agensi itu untuk meneruskan operasi bergantung kepada "sokongan politik dan kewangan berterusan daripada negara-negara anggota".

Sejak melancarkan serangan genosid di Semenanjung Gaza pada Oktober 2023, Israel telah memperhebatkan jenayahnya untuk mengilhak Tebing Barat, khususnya melalui perobohan, pemindahan paksa penduduk Palestin dan peluasan penempatan haram, menurut pihak berkuasa Palestin.

Tentera Israel dan peneroka haram sejak itu telah membunuh sekurang-kurangnya 1,108 rakyat Palestin di Tebing Barat, termasuk di Baitulmuqaddis Timur selain mencederakan hampir 11,000 orang, manakala 21,000 lagi ditahan.

Secara berasingan, peneroka haram Israel merosakkan sebuah masjid pada Jumaat di utara Tebing Barat, insiden terbaharu dalam siri serangan terhadap rumah ibadat dan harta benda milik rakyat Palestin. - ©BERNAMA

Manfaat teknologi AI, robotik untuk perkukuh industri halal

PUTRAJAYA, 24 Jan. - Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) memanfaatkan teknologi terkini termasuk kecerdasan buatan (AI) dan robotik untuk memperkukuh industri halal negara serta memastikan pematuhan terhadap hukum syarak, kata Ketua Pengarahnya Datuk Dr. Sirajuddin Suhaimee.

Beliau berkata JAKIM merancang untuk membangunkan sebuah pusat rujukan industri halal berteknologi tinggi yang bakal dikenali sebagai Halal International Halal Innovation and Technology Centre, dan dijangka mula direalisasikan tahun ini.

"Pusat ini akan memberi pendedahan kepada masyarakat

mengenai industri halal dan teknologi yang digunakan, termasuk inovasi terkini dalam proses penyembelihan serta pengeluaran makanan halal yang pantas, mudah dan menguntungkan, tanpa mengabaikan hukum syarak," katanya pada sesi temu bual khas bersama media, di sini semalam.

Sirajuddin berkata penggunaan teknologi seperti AI dan robotik dalam industri halal adalah tidak dapat dielakkan, namun ia perlu dilaksanakan menerusi satu platform bersama yang melibatkan industri, pakar teknologi serta pihak berautoriti agama bagi memastikan kefahaman yang selari.

Beliau berkata JAKIM juga

sedang memperkukuh kerjasama dengan agensi pembimbing bagi membantu industri, khususnya Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PKS), memahami keperluan pensijilan halal serta memudahkan pematuhan terhadap standard yang ditetapkan.

Sirajuddin berkata minat antarabangsa terhadap produk halal Malaysia terus meningkat dengan kehadiran delegasi dari pelbagai negara termasuk Republik Rakyat China, Mexico, negara-negara Balkan dan Amerika Latin, namun cabaran utama untuk menembusi pasaran baharu adalah halangan bahasa.

"Mereka tidak bertutur dalam

bahasa Inggeris dan kita pula tidak menguasai bahasa mereka, menyebabkan urusan perdagangan tidak dapat diselesaikan dengan berkesan," katanya.

Sehubungan dengan itu, usaha sedang digerakkan bagi merapatkan jurang berkenaan, termasuk mencari pihak perantara bagi membolehkan produk halal Malaysia menembusi pasaran baharu seperti Eropah Timur dan Amerika Latin.

Dalam perkembangan berkaitan, Sirajuddin berkata kerajaan turut merancang menubuhkan Malaysia International Islamic Faith Academy sebagai pusat rujukan

yang menghimpunkan kajian dan penyelidikan berkaitan hukum-hakam Islam di universiti tempatan.

Beliau berkata inisiatif itu penting bagi memastikan sumber rujukan sahih dapat dimanfaatkan secara meluas serta membendung penyelewengan maklumat dan ajaran yang bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah Waljamaah.

"Kajian-kajian ini ada yang tersimpan di perpustakaan dan tidak dimanfaatkan. Kita mahu ia diketengahkan supaya boleh dirujuk oleh masyarakat umum dan menjadi sumber sahih, termasuk untuk kegunaan teknologi seperti AI," katanya. - ©BERNAMA



WALKATON DPBM SERIKAN SAMBUTAN HARI POLIS KE-105



PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara hadir selaku tetamu kehormat pada Acara Walkaton Daerah Polis Brunei dan Muara yang berlangsung di Taman Rekreasi Jalan Menteri Besar (kiri), manakala gambar kanan, seramai 130 orang peserta menyertai aktiviti pemanasan badan.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 25 Januari. - Sempena Sambutan Hari Polis Ke-105 Tahun, Daerah Polis Brunei dan Muara (DPBM), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) menganjurkan Acara Walkaton DPBM yang berlangsung pada pukul 7.00 pagi bertempat di Taman Rekreasi Jalan Menteri Besar, hari ini.

Acara tersebut disertai oleh seramai 130 orang peserta, terdiri daripada pegawai-pegawai dan anggota-anggota polis dari balai-balai di bawah DPBM.

Penganjuran walkaton ini bertujuan untuk menggalakkan gaya hidup sihat, memperkukuhkan semangat kebersamaan serta memupuk hubungan silaturahim

dalam kalangan warga pasukan dan masyarakat setempat.

Hadir selaku tetamu kehormat, Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim.

Turut hadir sebagai jemputan khas ialah Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, ACP Haji Azree bin Haji Manaf; Pegawai Pemerintah DPBM dan Penghulu Mukim

Pengkalan Batu serta ketua-ketua kampung.

Penganjuran aktiviti berunsurkan kesukanan dan kemasyarakatan ini mencerminkan komitmen berterusan PPDB dalam memperkukuhkan hubungan strategik bersama masyarakat, di samping menyemai semangat perpaduan, kesejahteraan dan kerjasama sejajar dengan aspirasi Hari Polis Ke-105.

Atlet NBD tambah pungutan pingat perak



ATLET Negara Brunei Darussalam menambah pingat pada temasya Sukan Para ASEAN Ke-13 2025 yang berlangsung di Thailand (kiri sekali dan kiri).

Ariffin bin Haji Abdul Ghaffar dan Awang Saidin bin Haji Awang Damit berjaya merangkul pingat perak selepas mengatasi gandingan dari Thailand, Weerapol Sangwang dan Tanapoom Pugtra yang meraih pingat gangsa. Sementara atlet Republik Indonesia, Martha Susanty dan Sahrul Andriansyah meraih pingat emas.

Setakat hari ini, NBD berjaya meraih lima pingat iaitu satu pingat emas, tiga perak dan satu gangsa.

Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman
Foto : Ihsan Urus Setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Para ASEAN Ke-13 2025

BANGKOK, THAILAND, Sabtu, 24 Januari. - Atlet Negara Brunei Darussalam (NBD), Dayang Nor Hensan binti Awang Haji Mataha

merangkul pingat perak dalam Acara Lontar Peluru Wanita F11 di Temasya Sukan Para ASEAN Ke-13 2025 yang berlangsung di Thailand. Sementara itu, pingat emas

diraih oleh atlet Republik Filipina, Alyana Nunez dan pingat gangsa diraih oleh atlet Thailand, Pranee Srisan.

Dalam Acara Beregu Tenpin Boling, atlet NBD, Awang Kamarul

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

SENTIASA MENYOKONG, MELENGKAPI PERANAN SUAMI SEBAGAI KETUA KELUARGA